

SIRI MENJELAJAH ALKITAB

PERJANJIAN BARU KITAB DEMI KITAB

YESUS MEMENUHI SEMUA JANJI ALLAH
DENGAN MENYATAKAN KERAJAAN ALLAH
MELALUI PERJANJIAN BARU



WAWASAN

MISIONARIS

Siri Menjelajah Alkitab Perjanjian Baru Kitab Demi Kitab

Penulis : David Barratt, Mike Beaumont, Pieter Lalleman, Richard Littledale, Debra Reid,
Andrew Stobart, Derek Williams.
Penterjemah : Jaqueline Jose
Penyunting : Martin H. Manser, Randy Singkee
Reka Letak : Randy Singkee
Kulit buku : Chiang Juat Chin

Buku ini diterbitkan berdasarkan lesen dari Creative 4 International, eksklusif untuk Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Edisi Bahasa Inggeris, *The Bible Book by Book*, © 2009 oleh Creative 4 International, Bath, England. Terjemahan Bahasa Malaysia © 2021 oleh Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Bahagian Latar Belakang Agama dan Kebudayaan Perjanjian Baru dipetik dari Lukas dan Kisah Rasul-Rasul (Wawasan Penabur, 2013), tulisan Goh Kim Guat.

Bahagian Ringkasan untuk 1 Korintus, Galatia, Efesus, Filipi, Kolose, 1 & 2 Tesalonika, 1 & 2 Timotius, dan Titus dipetik dari *Critical Companion to the Bible*, suntingan Martin H. Manser (Facts on File, 2009) dan diguna dengan izin Facts of File.

“Mukjizat-mukjizat Yesus Kristus” dan “Perumpamaan-perumpamaan Yesus Kristus” diambil dari *Collins Bible Dictionary* oleh Martin Selman dan Martin Manser (HarperCollins, 2005). “Doa-doa Yesus Kristus” diadaptasi dari *Collins Bible Dictionary* dan digunakan dengan izin penerbit.

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari:
Alkitab Versi Borneo © 2016, Borneo Sabda Limited

Cetakan Pertama: Januari 2021

Diterbitkan oleh:
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, Selangor
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.


Daftar Isi

1	Pengenalan
4	Kalendar , Perayaan dan Pesta
5	Mata Wang dan Timbangan
6	Sukatan dan Ukuran
8	Latar Belakang Agama Dalam Perjanjian Baru
18	Latar Belakang Kebudayaan Dalam Perjanjian Baru
22	Dunia Pada Zaman Perjanjian Baru
	Injil
24	Matius
32	Markus
38	Lukas
48	Yohanes
	Sejarah Gereja
53	Kisah Para Rasul
	Surat-Surat Paulus
60	Roma
66	1 Korintus
70	2 Korintus
74	Galatia
78	Efesus
82	Filipi
86	Kolose dan Filemon
90	1 Tesalonika
94	2 Tesalonika
98	1 Timotius
102	2 Timotius
106	Titus
	Surat-Surat Umum
110	Ibrani
117	Yakobus
120	1 Petrus
124	2 Petrus
127	1 Yohanes
132	2 Yohanes dan 3 Yohanes
135	Yudas
	Nubuatan
138	Wahyu

Pengenalan

Surat cinta dari Allah mungkin bukan perkara pertama yang difikirkan oleh kebanyakan orang ketika mereka mempertimbangkan Alkitab. Mereka biasanya melihatnya sebagai buku peraturan, serangkaian panduan moral, atau sejarah kuno – semuanya sangat berbeza dengan surat cinta. Tetapi surat cinta mungkin merupakan gambaran terbaik untuk Alkitab. Ini adalah kisah tentang apa yang salah dengan kemanusiaan, bagaimana Allah mengambil langkah untuk mengatasi kekacauan, dan bagaimana, pada akhirnya menjadi baik-baik saja, kerana kasih Allah kepada umat manusia.

Istilah 'Bible' berasal daripada perkataan Yunani 'biblion' yang bererti 'kitab/buku'. Oleh yang demikian, Bible/Alkitab ialah satu pustaka yang terdiri daripada 66 buah kitab/buku. Ia merupakan hasil tulisan lebih kurang 40 orang pengarang yang datang daripada pelbagai lapisan masyarakat dan latar budaya dalam jangka masa 1,500 tahun. Tetapi kitab yang bagaimanakah Alkitab ini? Perkataan yang pertama dalam Alkitab adalah: "Pada mulanya Allah..." Jadi, ia adalah sumber utama bagi orang Kristian untuk mengenal Allah Sang Pencipta. Alkitab memiliki satu tema umum secara berterusan, iaitu rancangan penebusan manusia oleh Allah. Semua asas kepercayaan Kristian terdapat di dalam Alkitab.



Kitab Perjanjian Baharoe Edisi Shellabear, 1929

Alkitab: Firman yang Diilhamkan Allah


Orang Kristian melihat Alkitab berbeza dari buku-buku lain (termasuk buku-buku agama). Alkitab merupakan Firman Allah yang tertulis. Sumbernya ialah Allah Sendiri. Allah Roh Kudus mengilhami Kitab-kitab Suci. Istilah yang digunakan di dalam 2 Timotius 3:16 ialah "diilhami oleh Allah." Allah

“menghembuskan” firman-Nya kepada manusia yang dipilih-Nya sebagai alat-Nya sehingga mereka diilhami untuk menulis apa yang telah diberi kepada mereka.

Kitab-kitab Suci tidak ditulis secara mekanikal ataupun ditentukan oleh arahan. Allah tidak akan sewenang-wenangnya mengambil alih fikiran dan tangan seorang pengarang untuk menulis. Ia juga bukan coretan seorang juru tulis yang mana pengarangnya sekadar menyalin apa yang dikatakan oleh Allah. Sebaliknya, pengarang menulis dengan penuh hemat tetapi Tuhan telah menyediakan mereka dengan latar belakang, kebudayaan, pendidikan dan pengalaman supaya mereka boleh memilih dan menulis perkataan yang betul. Pengarang mungkin tidak menyedari bahawa tulisan mereka akan menjadi sebahagian daripada Kitab Suci. Akan tetapi mereka tahu bahawa apa yang mereka katakan berasal daripada Allah. Oleh itu, hasil tulisan mereka adalah benar dan tepat.

Bagaimana Alkitab Disatukan

Perjanjian Lama mengandungi 39 kitab (atau buku), dan Perjanjian Baru mempunyai 27. Alkitab bukannya satu buku. Tetapi ia adalah satu perpustakaan yang mengandungi 66 buku yang berbeza, semuanya dalam satu jilid!



Sebelum Anda Bermula


Bagi orang Kristian, perkara yang menakjubkan adalah bahawa Alkitab bukan sahaja menceritakan kepada pembaca tetapi juga mengundang mereka untuk menjadi sebahagian daripadanya. Halaman berikut dalam buku ini memberikan ringkasan setiap kitab dalam Alkitab. Tujuan kami adalah untuk memperkenalkan pengajaran utama dan penerapan praktikal Alkitab dengan cara yang mudah dibaca dan diakses.

Setiap garis besar mempunyai ciri-ciri berikut:

- Latar belakang yang memberi gambaran keseluruhan, ringkasan dan konteks kitab
- Garis besar mengenai struktur kitab
- Tema utama yang menunjukkan beberapa penekanan penting dalam kitab tersebut
- Kaitannya untuk hari ini: menunjukkan bagaimana mesej-mesej dalam kitab dapat diaplikasikan dalam kehidupan kita sendiri.

Kalendar, Perayaan dan Pesta

Kalendar Ibrani adalah berdasarkan kepada kitaran pertanian dan fasa bulan. Upacara dan perayaan keagamaan dikaitkan dengan tahun petani dan memperingati peristiwa-peristiwa besar dalam sejarah orang Yahudi.



APR.	NISSAN (ABIB)	14 Perayaan Paskah 15-21 Perayaan Roti Tidak Beragi 16 Hasil pertama dipersembahkan	Air Sungai Yordan melimpah kerana hujan lebat, salji mencair		Barli	
	IYYAR (ZIV)	14 Paskah gantian	Musim kering bermula, langit biasanya cerah		Gandum	
MEI	SIWAN	6 Perayaan menuai (Pentakosta)	Musim panas, udara nyaman		Gandum, buah ara awal	
JUN	TAMUS		Suhu meningkat. Banyak embun di kawasan tertentu		Anggur pertama	
JUL.	AB		Suhu mencapai paras maksimum		Buah musim panas	
OGOS	ELUL		Suhu panas berlanjutan		Kurma, anggur dan ara	
SEPT.	TISHRI (ETANIM)	1 Peniupan nafiri 10 Hari Pendamaian 15-21 Perayaan Pondok Daun 22 Perhimpunan Suci Jemaah	Musim panas berakhir, musim hujan awal bermula		Membajak	
OKT.	HESWAN (BUL)		Gerimis		Zaitun	
NOV.	KISLEW	25 Perayaan Pentahbisan	Hujan lebih lebat, embun beku, gunung diliputi salji		Ternakan dikandangkan	
DIS.	TEBETH		Suhu mencapai paras minimum, hujan, gunung diliputi salji		Tanaman mula membesar	
JAN.	SHEBAT		Suhu mula naik, hujan berlanjutan		Pokok badam berbunga	
FEB.	ADAR	14,15 Perayaan Purim	Guruh dan hujan batu sering berlaku		Flaks	
MAC	VEADAR	Bulan yang ditambahkan sebanyak 7 kali dalam 19 tahun				

Mata Wang dan Timbangan

Mata wang dan timbangan dalam Kitab Ibrani



Gera (1/20 syekel)
0.57 g
10 gera = 1 beka

Beka
5.7 g
2 beka = 1 syekel

Pim
7.8 g
1 pim = 2/3 syekel

Syekel (syiling)
11.4 g
50 syekel = 1 mina

Mina
570 g
60 mina = 1 talenta

Talenta
34.2 kg



Syekel (timbangan)



Darik
(Persia, emas)
8.4 g
Ezra 8:27

Mata wang dan timbangan dalam Kitab Yunani Kristian



Talenta (= 60 mina)
20.4 kg
= kira-kira upah 20 tahun
Matius 18:24; Wahyu 16:21



Mina (= 100 drakma)
340 g
= kira-kira upah 100 hari
Lukas 19:13



Paun (Roma)
327 g
"1 paun minyak wangi"
Yohanes 12:3



Tetradrakma (Yunani, perak;
juga dipanggil stater perak)
4 drakma
13.6 g
= Upah 4 Hari
Matius 17:27



Didrakma (Yunani, perak)
2 drakma
6.8 g
= Upah 2 Hari
Matius 17:24



Drakma (Yunani, perak)
3.4 g
= Upah 1 Hari (12 jam)
Lukas 15:8



Kuadrans (Roma,
tembaga atau gangsa)
2 lepton
Matius 5:26




Lepton (Yahudi,
tembaga atau gangsa)
1/2 kuadrans
Lukas 21:2



Denari (Roma, perak)
64 kuadrans
3.85 g
= Upah 1 Hari (12 jam)
Matius 20:10



Asarion (Roma dan daerah
Roma, tembaga atau gangsa)
4 kuadrans
Matius 10:29



Sukatan dan Ukuran

Sukatan Cecair

Kor (10 bath/60 hin)
220 L



Bath (6 hin)
22 L

Hin (12 log)
3.67 L

Log (1/12 hin)
0.31 L

Sukatan Bahan Kering

Homer (1 kor/10 efa)
220 L



Efa (3 seah/
10 omer)
22 L

Seah (3 1/2 omer)
7.33 L

Omer (1 4/5 kab)
2.2 L

Kab
1.22 L



Kuart
1.08 L

Ukuran Jarak

Kayu pengukur panjang
(6 hasta yang panjang)
3.11 m

Kayu pengukur
(6 hasta)
2.67 m

- 1 **Lebar jari**
(1/4 tapak tangan)
1.85 cm
- 2 **Tapak tangan**
(4 lebar jari)
7.4 cm
- 3 **Jengkal**
(3 tapak tangan)
22.2 cm



Fatom (Depa)
1.8 m

Hasta yang panjang
(7 tapak tangan)
51.8 cm

Hasta (2 jengkal /
6 tapak tangan)
44.5 cm

Hasta yang pendek
38 cm



1 stadium Roma
1/8 batu Roma
= 185 m

Latar Belakang Agama Dalam Perjanjian Baru

Gereja orang Kristian bermula di Palestina dengan orang Yahudi sebagai jemaat pertamanya. Oleh itu, pengetahuan tentang agama Yahudi sangat penting untuk lebih memahami latar belakang agama dalam Perjanjian Baru.

I. Kitab Suci dan Tradisi

A. Perjanjian Lama

Orang Yahudi menyebut Kitab Suci mereka sebagai *Tanakh*, iaitu akronim (perkataan yang berasal dari gabungan huruf awal beberapa perkataan) kepada tiga perkataan: *Torah* (Hukum), *Neviim* (Nabi-nabi) dan *Ketuvim* (Tulisan-tulisan). Ia merupakan tiga bahagian Perjanjian Lama yang digunakan pada zaman Yesus. Kitab-kitab yang digunakan adalah sama dengan Perjanjian Lama Alkitab orang Kristian tetapi disusun secara berbeza.

Bahagian pertama dan yang paling tua ialah Taurat atau Hukum. Ia mengandungi lima buku awal dalam Alkitab (yang juga dipanggil Pentateuch) dan merupakan catatan tentang arahan dan perintah yang diberikan oleh TUHAN Allah kepada Israel untuk mengajar mereka cara hidup dalam komuniti umat Allah. Bahagian ini menjadi sumber utama kepercayaan dan adat orang Yahudi.

Bahagian yang kedua ialah *Neviim* atau Nabi-nabi. Mereka dibahagikan kepada nabi yang terawal dan nabi yang kemudian. Nabi-nabi awal termasuk Yosua, Hakim-Hakim, Samuel dan Raja-Raja. Ia menjadi garis panduan sejarah dari permulaan penempatan di Kanaan sehingga ke pembuangan. Nabi-nabi yang kemudian termasuklah Yesaya, Yeremia, Yehezkiel dan dua belas buku kecil dari Hosea sehingga Maleakhi. Mereka meringkaskan ajaran dari semua nabi-nabi mereka kecuali buku Daniel yang dimasukkan ke dalam Tulisan-tulisan.

Bahagian yang ketiga ialah *Ketuvim* atau Tulisan-tulisan. Bahagian ini mengandungi karya-karya hikmat dan berbentuk puisi seperti Mazmur, Amsal, Ayub, Pengkhotbah, Kidung Agung dan Ratapan. Kebanyakan buku-buku ini ditulis selepas nabi-nabi tersebut. Mereka juga memasukkan buku-buku seperti Rut, Ezra, Nehemiah, Ester, Daniel dan Tawarikh (buku terakhir dalam *Tanakh*).

Taurat dan Nabi-nabi selalu dibaca di hadapan orang ramai sewaktu kebaktian pada zaman Yesus. Tulisan-tulisan tidak diguna dengan kerap walaupun ia adalah sebahagian daripada Kitab Suci.

B. Tradisi Pemimpin Agama

Dari Hukum Bertulis kepada Hukum Lisan

Walaupun Hukum Taurat menjadi sumber kepercayaan dan amalan orang Yahudi, masih terdapat beberapa perkara yang harus dijelaskan. Contohnya, Taurat memerintahkan untuk bersuka ria semasa perayaan Pondok Daun dengan daun palma, willow, buah dan dahan berdaun. Orang Yahudi akan mempersoalkan apa jenis buah dan dahan berdaun yang dimaksudkan dan bagaimana mereka harus bersuka ria dengannya.

Untuk menjawab persoalan yang timbul, satu badan penjelasan dan tradisi lisan yang berkaitan dengan Hukum telah dihimpunkan. Tidak lama selepas itu, Hukum Lisan ini menjadi sesuatu yang harus dipatuhi melebihi Hukum Bertulis. Ketika sejarah orang Israel berjalan, Hukum Lisan juga bertambah, seiring dengan sejarah bangsa tersebut. Lelaki-lelaki yang mempunyai daya ingatan kuat mengabdikan diri untuk mempelajari, menghafal dan mengajar Hukum itu.

Tradisi Lisan yang sangat banyak ini akhirnya ditulis dan disiapkan pada 200 M dan ia dikenali

sebagai Mishnah. Mishnah menerangkan perkara-perkara yang selalunya timbul dalam buku Imamat, seperti persembahan korban, hukum tentang makanan, upacara penyucian, zina dan sebagainya. Ia menerangkan tradisi para pemimpin agama dan bagaimana hal agama ditangani. Ia menunjukkan dan menjelaskan banyak konteks agama dan budaya pada zaman Yesus.

C. Harapan Mesias

Orang Yahudi menantikan Mesias yang akan datang. Ramai tokoh-tokoh yang bercirikan mesias dalam Perjanjian Lama telah mengakar dalam kepercayaan mereka: seorang nabi yang seperti Musa, Elia yang akan kembali; dan yang paling penting adalah Anak Daud, seorang raja dan perwira yang hebat, di mana misinya ialah untuk membawa kemenangan, damai sejahtera dan kemuliaan kepada Israel. Ini menyebabkan mereka menanti-nantikan mesias dalam pelbagai bentuk: nabi besar, imam besar dan keturunan diraja. Ada yang menjangkakan itu sebagai satu pemulihan rohani, terutamanya kemenangan ke atas Roma.

Setiap kali nama 'Mesias' (Kristus dalam bahasa Yunani) disebut, harapan untuk kemerdekaan politik tidak dapat dielakkan. Sebab itu Yesus berhati-hati apabila orang memanggil-Nya 'Kristus'. Dia datang kepada sekumpulan orang yang jika tidak bersetuju dengan yang apa yang diharapkan, sekurang-kurangnya mereka bersama-sama dengan penuh kesungguhan 'menantikan Israel untuk diselamatkan' (Luk 2:25).

Tetapi tidak seorang pun yang akan menjangkakan harapan itu datang dengan salib. Tiada yang pernah terfikir bahawa Mesias itu seorang yang ilahi dan juga manusia pada masa yang sama, yang harus menderita sengsara, mati dan bangkit dari maut untuk menyelamatkan mereka dari dosa. Mereka berfikir Allah akan menggunakan seorang manusia biasa untuk membebaskan mereka dari Roma atau Allah sendiri yang akan berbuat demikian dan kemudiannya memperkenalkan Mesias sebagai pemerintah-Nya.

D. Nazar Orang Nazir

Nazir ialah orang Israel yang mengasingkan dirinya bagi Tuhan dan bernazar untuk menjauhkan diri dari beberapa perkara (dari 30 hari sehinggalah sepanjang hidup) untuk tujuan beberapa upacara yang istimewa. Seorang Nazir yang sedang bernazar tidak boleh:

1. Meminum minuman keras
2. Mencukur bulu atau rambut yang ada di badannya
3. Menyentuh atau mendekati mayat

Samson dan Samuel adalah Nazir seumur hidup yang terdapat dalam Alkitab. Tidak dapat dipastikan sama ada Yohanes Pembaptis adalah seorang Nazir seumur hidup kerana tidak ada rujukan tentang rambutnya.

Terdapat dua lagi contoh Nazir (dari kenyataan tentang mereka mencukur kepala di kemudian hari) dalam Kisah Para Rasul:


1. Paulus dikatakan telah mencukur rambutnya di Kengkrea kerana telah bernazar (18:18)
2. Paulus menyertai empat orang lain di Yerusalem yang telah bernazar (21:24)

II. Beberapa Institusi Penting Agama Yahudi

A. Bait Suci

Ada tiga Bait Suci yang pernah berdiri megah di Yerusalem. Bait Suci pertama dibina oleh Salomo, kedua dibina oleh Zerubabel selepas pembuangan dan yang ketiga dibina oleh Herodes Agung. Bait Suci yang ringkas yang dibina oleh orang Yahudi di bawah pimpinan Zerubabel telah digantikan oleh sebuah struktur yang hebat yang telah dibina oleh Herodes Agung bermula pada 19 SM. Ia belum sempat disiapkan ketika Yesus ada di dunia. Struktur itu disempurnakan pada 64 M, enam tahun sebelum ia dimusnahkan oleh orang Roma.

Ia merupakan sebuah struktur yang amat besar dan diperbuat daripada batu, marmar dan emas dan ia berjaya menarik perhatian pengikut-pengikut Yesus. Bait Suci itu terletak di tengah-tengah kawasan yang mempunyai keluasan kira-kira 26 ekar. Orang bukan Yahudi boleh menjejaskan kaki di bahagian luar bangunan sahaja, tempat di mana Yesus mengusir para pedagang yang sedang menjual barang mereka di sana (Lukas 19:25-46). Terdapat tulisan dalam bahasa Yunani dan Latin yang memberi amaran kepada orang-orang bukan Yahudi tentang kesakitan maut, supaya mereka tidak memasuki ruang dalam Bait Suci kerana ia dihaskan untuk orang Yahudi sahaja. Orang ramai juga berkumpul di kawasan ini untuk mendengar ajaran yang diajarkan oleh pengajar-pengajar yang berani mempertahankan pengetahuannya. Mungkin Yesus telah mendengar guru-guru agama mengajar di tempat ini ketika Dia dijumpai oleh ibu bapa-Nya (Lukas 2:46) dan Dia kemudiannya mengajar di dalam Bait Suci.



Di luar Bait Suci ada sebuah mezbah yang didirikan untuk membakar korban, dan sebuah bejana yang penuh dengan air yang digunakan oleh para imam untuk membasuh. Di dalam ruangan pertama yang dipisahkan dengan sebuah kain yang berat terdapat: (i) sebuah kaki lilin emas bercabang tujuh yang membakar minyak zaitun dan dicampur dengan bahan-bahan lain (ii) sebuah meja yang mengandung roti mewakili hadirat Allah (iii) satu mezbah kecil untuk membakar kemenyan.

Satu lagi kain tebal memisahkan ruang yang paling dalam. Ruang ini dipanggil Tempat Maha Suci, di mana Imam Besar akan masuk setahun sekali tanpa ditemani oleh sesiapa pun pada Hari Pengampunan Dosa, untuk menebus dosa-dosa Israel. Tabut perjanjian yang merupakan satu-satunya benda terletak di dalam Tempat Maha Suci ketika zaman Perjanjian Lama, telah lama hilang ketika zaman perang, huru-hara dan penawanan.

(i) Pelayanan Harian di Bait Suci

Selain daripada korban peribadi, persembahan korban harian untuk bangsa juga dipersembahkan pada lewat pagi (jam ketiga) dan tengah hari (jam kesembilan). Seekor kambing biri-biri akan dikorbankan, diikuti dengan doa, pembacaan hukum-hukum dan pembakaran kemenyan di atas mezbah di dalam ruang pertama (Tempat Suci). Setelah kemenyan dibakar, imam yang menyempurnakan korban tersebut akan keluar dari ruang itu dan melafazkan berkat ke atas orang ramai yang berdoa di tempat itu. Daging dan minuman dari persembahan korban harian akan diberikan dan upacara itu diakhiri dengan sekumpulan orang Lewi yang menyanyikan pujian, berhenti seketika apabila sangkakala dibunyikan dan orang ramai akan menyembah.

Tugas para imam pada waktu tengah hari ialah mempersembahkan korban dari orang ramai, yang mempunyai pelbagai jumlah berdasarkan keadaan dan selalunya sangat ramai sewaktu perayaan. Pada hari Sabat, mereka akan mengadakan upacara pujian tambahan.

Masa berdoa yang ditetapkan ialah: (i) pada jam ketiga, kira-kira pukul 9 pagi, selepas persembahan korban pada waktu pagi (ii) pada jam kesembilan, kira-kira pukul 3 petang, selepas persembahan korban petang (KPR 3:1) (iii) ketika matahari terbenam.

Perayaan-perayaan dan hari-hari suci yang lain akan dirayakan dengan mengadakan upacara khusus di Bait Suci. Semua perkara ini dilakukan di bawah pengawasan tentera Roma di Kubu Antonia yang menghadap tempat ibadah tersebut.

ii) Pelayan-Pelayan di Bait Suci

a. Orang-Orang Lewi

- Menyebarkan ajaran moral dan agama di seluruh negara
- Mengendalikan rekod orang ramai
- Bertugas sebagai pengangkut barang, pengawal, penyanyi dan pemusik di Bait Suci
- Membantu imam untuk menyembelih korban

b. Para Imam (keturunan Harun)

- Mempersembahkan korban
- Menjaga api di atas mezbah
- Mematikan api pada kaki lilin emas
- Imam Besar akan masuk ke Tempat Maha Suci sekali setahun pada Hari Pengampunan Dosa untuk menebus dosa bangsa itu

c. Kapten Pengawal

- Mengawasi penjaga (imam) Bait Suci serta orang-orang Lewi yang bertugas.
- Bertindak seperti pasukan polis untuk memastikan Bait Suci sentiasa teratur.
- Orang kedua terpenting selepas Imam Besar

B. Perayaan-Perayaan

Perayaan yang berkaitan dengan penyembahan di Bait Suci merupakan perayaan keagamaan dan hari yang suci bagi orang Yahudi. Ada yang diaturkan untuk mengikut perubahan musim, mengingatkan mereka tentang berkat TUHAN yang tidak pernah berakhir, serta memberikan mereka peluang untuk mengembalikan hasil yang mereka ada kepada TUHAN. Perayaan yang lain diadakan sempena memperingati peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Israel, peristiwa di mana TUHAN campur tangan dan membebaskan umat-Nya dengan penuh keajaiban.

Perayaan-perayaan tersebut tidak dirayakan semata-mata sebagai kewajipan atau upacara kosong. Tujuan perayaan ini lebih rohani. Allah akan menemui umat-Nya dengan penuh kemuliaan pada waktu tersebut.

Ada tiga perayaan penting di mana semua kaum lelaki Yahudi yang sihat tubuh badan serta bersih wajib untuk menghadiri diri. Ia dikenali sebagai perayaan ziarah dan dirayakan di Yerusalem.

1. Perayaan Paska dan Perayaan Roti Tidak Beragi

Paska merupakan perayaan tahunan yang pertama, dan ia merupakan perayaan yang paling penting dalam sejarah dan agama orang Yahudi. Ia dirayakan pada hari ke-14 bulan pertama (Nisan) menurut kalendar agama dan ia memperingati pembebasan orang-orang Yahudi dari Mesir dan juga penetapan Israel sebagai satu bangsa melalui penebusan TUHAN.

Perayaan Roti Tidak Beragi bermula sehari selepas Paska dan berterusan selama tujuh hari. Di zaman Yesus, kedua-dua nama perayaan ini telah digunakan berselang-seli untuk merujuk kepada satu perayaan tersebut.

2. Perayaan Menuai / Hasil Pertama

Perayaan ini kemudiannya dikenali sebagai **Pentakosta** (bermaksud kelima puluh) dan dirayakan 50 hari selepas Paska bermula. Pada mulanya, ia merayakan hasil tanaman iaitu semasa buah pertama dipersembahkan kepada TUHAN.

3. Perayaan Pondok Daun

Perayaan ini bermula lima hari selepas Hari Pengampunan Dosa (untuk menebus dosa bangsa Israel) dan berlangsung selama tujuh hari. Ia merupakan perayaan musim luruh apabila semua buah-buahan telah dipetik. Orang ramai akan tinggal di dalam khemah yang dibuat daripada dahan pokok. Perayaan ini diraikan untuk mengucap syukur terhadap hasil tanaman dan juga memperingati hidup mereka ketika berada di padang gurun.

Perayaan yang lain adalah Hari Sabat, Perayaan Tahun Baru (trumpet), Hari Pengampunan Dosa, Perayaan Pentahbisan Bait Suci, dan Perayaan Purim.

C. Rumah Ibadat (Synagogue)

Hanya terdapat satu Bait Suci tetapi setiap komuniti mempunyai rumah ibadat masing-masing. Hal ini dipercayai telah bermula sejak raja Babilonia, Nebukadnezar memusnahkan Bait Suci yang pertama yang dibina oleh Salomo. Raja Nebukadnezar juga telah membuang kebanyakan orang Yahudi dari Yudea. Orang Yahudi biasanya menubuhkan satu pusat ibadah tempatan yang

dipanggil sebagai rumah ibadat ('persekutuan') setiap kali terdapat sepuluh orang Yahudi. Setelah ia disahkan sebagai satu institusi, rumah ibadat ini diteruskan dan bertambah banyak walaupun setelah Bait Suci dibina semula oleh Zerubabel.

Di rumah ibadat, tidak ada sebarang upacara korban yang dilakukan. Ia merupakan pusat pembelajaran Hukum Taurat dan penyembahan bagi orang tempatan. Pada hari Sabat, masyarakat di tempat itu berkumpul di rumah ibadat, lelaki dan wanita duduk berasingan, untuk mendengar penjelasan firman di bahagian tertentu dari naskah yang mengandungi tulisan Hukum Taurat dan Nabi-nabi, dan untuk berdoa bersama-sama. Sesuatu yang sangat sederhana, rumah ibadat yang biasa merupakan ruang yang berbentuk empat segi, mempunyai pentas kecil untuk pembaca firman di belakang peti yang mengandungi naskah Perjanjian Lama. Orang yang datang akan duduk di atas kerusi batu yang dibina selari dengan dinding rumah ibadat tersebut, dan juga di atas tikar dan kerusi yang diletakkan di tengah-tengah ruangan itu. Duduk berhadapan dengan orang ramai adalah ketua rumah ibadat serta pemimpin-pemimpin agama.

Pembaca akan berdiri untuk membaca firman dari naskah Perjanjian Lama. Untuk berkhotbah, dia akan duduk. Semua orang akan berdiri ketika berdoa. Orang yang berkuasa akan mengetahui pertemuan itu, memperkenalkan orang baru, memilih beberapa orang untuk membaca Firman Allah dan berkhotbah. Pelawat yang layak akan dijemput untuk berkhotbah, satu kebiasaan yang memberi banyak kesempatan kepada Yesus dan Paulus untuk memberitakan injil di rumah ibadat.

Rumah ibadat bukan sekadar pusat penyembahan pada hari Sabat. Pada hari-hari biasa, ia akan berfungsi sebagai pusat komuniti, pusat kerajaan tempatan dan tempat pembelajaran bagi kanak-kanak Yahudi serta tempat Perjanjian Lama diajar. Pengajaran itu sedikit sebanyak mengabaikan kepentingan persembahan korban di Bait Suci. Akibatnya, para guru agama menjadi lebih penting daripada para imam.



Synagogue Maghain Aboth di Singapore. Pandangan ruang dalam Synagogue Maghain Aboth.

D. Majlis Agama (Sanhedrin)

Ia merupakan sidang yang paling tinggi di Yerusalem. Mereka memegang kuasa politik dan juga keagamaan. Ia terdiri daripada orang-orang yang memegang jawatan tertinggi di kalangan masyarakat, dari kelas imam ataupun orang biasa.

Pemerintah Roma mengizinkan orang Yahudi untuk mengendalikan kebanyakan hal-hal tempatan dan keagamaan. Oleh itu, banyak sidang tempatan yang ditubuhkan. Majlis Agama, sidang Yahudi yang tertinggi berada di atas sidang-sidang tersebut. Mereka akan bertemu setiap hari kecuali pada hari Sabat dan hari suci yang lain di Yerusalem. Semasa pemerintahan Roma, pemerintahan kerajaan dalaman Palestin berada di tangan mereka. Selepas kematian Herodes

Agung, kuasa mereka dihadkan kepada Yudea sahaja. Sebab itulah kemungkinan mengapa mereka tidak boleh menghukum Yesus memandangkan Yesus berasal dari Galilea. Walau bagaimanapun, Majlis Agama mempunyai kuasa mutlak dalam hal undang-undang Yahudi. Di zaman Yesus, mereka boleh mencadangkan hukuman mati tetapi mereka tidak berkuasa untuk melaksanakannya. Itulah sebabnya mengapa Yesus dipaksa untuk membela diri bukan sahaja di hadapan Majlis Agama, tetapi juga di hadapan Pilatus, seorang gabenor Roma.

Terdapat 70 ahli Majlis Agama (tidak termasuk imam besar). Mereka berasal dari tiga golongan masyarakat Yahudi: ketua-ketua imam, pemimpin agama dan guru-guru Taurat. Para ‘ketua imam’ adalah mereka yang dari golongan imam besar, mereka yang pernah menjadi imam besar dan ahli keluarga istimewa iaitu keluarga kepada mereka yang pernah menjadi imam besar. Pemerintah golongan imam terdiri daripada ketua-ketua masyarakat dan menjadi ahli imam dalam sidang Majlis Agama. Imam besar akan mengetuai Majlis Agama.

Guru-guru Taurat atau penulis kebanyakannya dari golongan Farisi. Walau pun begitu, tidak semua orang Farisi merupakan penulis yang profesional. Pemimpin agama berasal dari keluarga berpengaruh di Yerusalem, kebanyakannya ketua bagi suku-suku dan kerabat. Hampir semua dari mereka adalah orang Saduki, seperti ketua imam.

III. Mahzab dan Aliran Dalam Agama Yahudi

1. Orang Farisi

Nama ‘Farisi’ bermaksud ‘yang diasingkan’. Mereka merupakan sebuah mahzab atau aliran agama yang tumbuh keluar dari Hasidim semasa abad kedua SM. Orang-orang Hasidim (‘umat Allah yang setia’) adalah sekumpulan orang Yahudi alim yang dengan teguh mengekalkan Taurat daripada dipengaruhi oleh Hellenisme atau kebudayaan dan pemikiran Yunani. Mereka merupakan ketua-ketua agama Yahudi dan bukan satu parti politik seperti Saduki. Kebanyakan daripada mereka berasal dari golongan kelas menengah. Orang Farisi merupakan di antara mahzab agama Yahudi yang paling besar. Walau bagaimanapun, jumlah mereka menjadi 6,000 orang sahaja semasa pemerintahan Herodes Agung dan mereka ada di setiap tempat di Palestin.

Ramai orang Farisi yang menjadi pengajar di rumah ibadat, menjadi contoh agama kepada orang ramai dan menganggap diri mereka sebagai penjaga Taurat. Mereka sangat mementingkan keaslian Taurat dan tradisi-tradisinya. Mereka menganggap tafsiran-tafsiran dan hukum-hukum yang diwarisi sejak turun-temurun mempunyai kepentingan yang sama dengan Kitab Suci. Mereka berikrar untuk mematuhi semua tradisi dan Hukum secara terperinci dan oleh itu mementingkan kesucian setiap upacara. Kesannya, mereka menjauhkan diri dari orang biasa. Mereka tidak boleh makan bersama dengan orang bukan Farisi kerana takut makanan tersebut mungkin belum dipersepuhkan, iaitu sepersepuluh harus dipersembahkan kepada TUHAN. Mereka menjadi satu kelompok yang teratur, sangat setia kepada sesama mereka dan masyarakat, tetapi terasing dari satu sama lain.

Ini menyebabkan mereka mempunyai sikap “lebih suci daripada kamu” sehingga menyebabkan mereka memandang rendah terhadap orang yang tidak hidup menurut Hukum seperti mereka. Kesombongan mereka yang digabungkan dengan ketegasan dalam hal hukum yang lebih mementingkan peraturan daripada rahmat dan kasih menyebabkan mereka selalu berselisih dengan Yesus. Yesus tidak mengecam tindakan mereka yang cuba untuk mengikut Hukum tersebut, sebaliknya Dia menegur mereka kerana keangkuhan dan perilaku mereka yang tidak menunjukkan kasih dalam melaksanakan Hukum mereka. Walaupun begitu, golongan Farisi

tetap dipandang tinggi oleh orang biasa Yahudi dan menjadi model kealiman dan pengabdian. Adalah penting untuk dinyatakan di sini bahawa tidak semua orang Farisi bersikap sedemikian. Ramai Farisi seperti Paulus, Nikodemus (Yohanes 3:1) dan Gamaliel (KPR 5:34) yang setia dan ikhlas dalam melakukan Hukum tersebut.

2. Orang Saduki

Sama seperti orang Farisi, orang Saduki juga merupakan sekumpulan orang Yahudi pada masa Yesus, walaupun pengaruh mereka pada masa itu semakin berkurangan. Kebanyakan mereka terdiri daripada orang atasan dan orang kaya yang memiliki tanah, yang telah mendapat kedudukan dominan dalam masyarakat mereka. Walaupun jumlah mereka lebih sedikit berbanding orang Farisi, mereka mempunyai kuasa yang lebih besar dari segi politik dan mereka mengawal para imam. Ramai ketua imam adalah Saduki atau mempunyai kerjasama yang rapat dengan mereka. Mereka masih menguasai separuh dari sidang Majlis Agama pada zaman Yesus. Orang Farisi memperolehi kuasa mereka dari pendidikan agama mereka manakala orang Saduki mendapatnya melalui kedudukan.

Mereka tidak sealim Farisi. Tidak seperti Farisi, mereka hanya mengambil kira lima buku pertama dalam Perjanjian Lama, iaitu Hukum Taurat atau Torah. Mereka menolak sebarang pewahyuan selain dari lima buah buku Musa. Oleh itu, mereka tidak menerima Hukum Lisan dari rabbi yang bukan dari golongan imam, dan menolak kepercayaan yang baru seperti keabadian jiwa, kebangkitan, malaikat dan iblis. Meskipun sangat tegas, orang Farisi tetap bersifat progresif dalam mengaplikasikan Hukum menurut perubahan keadaan semasa. Tetapi orang Saduki pula mahu mengekalkan apa yang ada. Mereka tidak akan berganjak dari Taurat kerana mereka tidak mahu kehilangan kedudukan kuasa dan kekayaan mereka.

Mereka kurang mendapat sokongan kerana mereka adalah golongan aristokratik kecil. Apabila Bait Suci yang menjadi pusat kuasa imam-imam dimusnahkan oleh orang Roma pada 70M, orang-orang Saduki mula berpecah dan berkurangan. Sebaliknya, orang Farisi terselamat dari kejadian yang menimpa orang Saduki dan menjadi asas kepada agama Yahudi pada abad-abad yang seterusnya.



Orang Farisi dan Orang Saduki



Orang Farisi dalam Filem "Yesus"

3. Para Penulis/ Penyalin

Para penulis atau guru-guru Taurat bukan dari mana-mana mahzab agama atau parti politik, tetapi adalah golongan profesional. 'Hakim', 'orang bijak' dan 'guru Taurat' adalah istilah yang biasa digunakan dalam Perjanjian Baru bagi golongan mereka ini. Istilah 'rabbi' merupakan

istilah kehormat bagi seorang guru Taurat. Bermula dari Ezra, para penulis mentafsir dan mengajar Hukum Perjanjian Lama dan membuat keputusan sah bagi kes-kes yang dibawa kepada mereka.

Mereka mengkaji, mentafsir dan mengajar Taurat secara lisan dan bertulis. Mereka berperanan mentafsir Taurat dan penerapannya dalam kehidupan seharian. Murid-murid ('pelajar') golongan penulis ini mengikut di belakang mereka di mana sahaja guru mereka pergi dan belajar melalui pemerhatian dan menghafal setiap perkara dalam Perjanjian Lama dan tradisi guru Taurat.

Pada zaman Yesus, kebanyakan dari golongan penulis mungkin terdiri daripada orang Farisi, meskipun tidak semua orang Farisi mempunyai pengetahuan agama yang diperlukan oleh seorang penulis. Pekerjaan para penulis ini tidak dibayar dan mereka bergantung kepada perniagaan mereka untuk menyara kehidupan. Contohnya, Paulus telah dilatih dalam hal-hal Taurat, tetapi dia membuat khemah untuk menyara hidup. Walaupun Yesus tidak mendapat pendidikan Hukum Taurat secara rasmi, Dia tetap digelar sebagai rabbi dan mengambil murid untuk bersama-Nya. Ajaran-Nya berasal dari kewibawaan-Nya sendiri manakala para penulis hanya bergantung kepada pendapat dan pemikiran rabbi-rabbi yang lepas.

4. Golongan Herodes

Golongan Herodes bukan sebuah parti politik ataupun mazhab agama. Mereka adalah segelintir orang Yahudi yang menyokong dinasti Herodes. Ini bermaksud, mereka juga menyokong kerajaan Roma secara tidak langsung kerana Roma yang bertanggungjawab menempatkan kerabat Herodes pada kedudukan sebagai pemerintah. Mereka mungkin berpusat di Galilea di bawah pemerintahan Herodes Antipas I. Mereka menentang Yesus bersama-sama dengan orang Farisi.

5. Zelot

Sementara orang Saduki dan Farisi memanfaatkan kuasa pemerintah Roma, ramai orang Yahudi lain yang tetap berjuang demi kebebasan orang Yahudi. Mereka dikenali sebagai Zelot. Mereka memperjuangkan kemerdekaan, satu revolusi untuk menumpaskan kerajaan Roma. Mereka tidak mahu membayar cukai, menganggap kesetiaan kepada Kaisar sebagai satu dosa, dan telah melakukan beberapa kekacauan, termasuk pemberontakan Yahudi yang mengakibatkan kemusnahan Yerusalem pada 70 M.

Pada zaman Yesus, mereka sudah melakukan banyak pemberontakan yang tidak berjaya (Barabas terlibat dalam salah satu pemberontakan) dan mereka sudah bersedia untuk menjatuhkan pemerintah Roma. Mempunyai semangat patriotik yang melampau, mereka berasaskan kepada kepercayaan bahawa penundukan kepada Roma adalah satu pengkhianatan terhadap TUHAN, Raja Israel yang sebenar. Simon adalah seorang murid Yesus yang datang dari golongan Zelot.

6. Penganut Agama Baru dan Orang yang Takut Akan TUHAN

Walaupun dengan semangat kebangsaan yang kuat, agama Yahudi menarik ramai orang bukan Yahudi. Sukar bagi seseorang yang bukan Yahudi untuk menerima ajaran agama Yahudi. Dia harus disunat jika dia seorang lelaki, dan dibaptis serta mesti berjanji untuk mengikut semua Hukum Taurat Musa. Orang itu juga harus meninggalkan identiti bangsanya. Orang ramai yang mengambil langkah ini dipanggil sebagai penganut agama baru atau orang bangsa lain yang menganut agama Yahudi (2:11).

Ramai yang tertarik dengan ajaran monoisme (satu Tuhan) serta ajaran moral Yahudi yang ketat, berbeza dengan agama Roma yang mengamalkan politisme (banyak tuhan). Mereka bersedia

untuk mengenali iman dan kepercayaan orang Yahudi tetapi kurang komitmen penuh sebagai penganut yang baru. Ramai orang bukan Yahudi yang kaya dan berpengaruh menganut agama Yahudi, dan mereka dikenali sebagai 'orang yang takut akan Tuhan', 'penyembah Tuhan', atau 'penganut' dalam Perjanjian Baru.

7. Orang Samaria

Orang Samaria merupakan keturunan Israel dari Kerajaan Selatan. Mereka berkahwin campur dengan orang-orang dari negara asing yang dibawa masuk oleh kerajaan Asyur selepas kejatuhan Samaria yang merupakan ibu kota pada waktu itu. Hasilnya, agama mereka bercampur. Orang Samaria melandaskan kepercayaan mereka kepada lima buku pertama Perjanjian Lama sahaja. Setelah orang Yahudi di bawah pimpinan Ezra dan Nehemia kembali dari pembuangan, timbul satu kebencian di antara orang Yahudi dan orang Samaria. Keadaan ini berlanjutan sehingga zaman Yesus.

Bangunan ibadat orang Samaria di atas Gunung Gerizim yang berhadapan dengan Sikkem (Yohanes 4:20) menjadi tanda penolakan orang Yahudi terhadap mazhab agama ini. Akan tetapi, orang Samaria menyembah TUHAN Allah yang sama seperti orang Yahudi. Hukum-hukum mereka diambil dari lima buku Musa, iaitu lima buku pertama Perjanjian Lama, yang lebih kurang sama dengan versi orang Yahudi. Seperti orang Yahudi, mereka juga menanti-nantikan kedatangan seorang nabi seperti Musa. Punca utama kebencian orang Yahudi dan cemuhan orang Samaria dicituskan oleh sejarah dan perbezaan bangsa dan sedikit daripada perbezaan asas agama mereka. Meskipun begitu, Yesus tidak melihat perbezaan tersebut dan Dia menjangkau mereka sama seperti orang Yahudi.



Orang Samaria di negara Israel moden, merayakan perayaan Paskah.

Latar Belakang Kebudayaan Dalam Perjanjian Baru

A. Diaspora (Penyebaran)

Dianggarkan ada kira-kira empat juta orang Yahudi yang hidup di bawah empayar Roma semasa zaman Perjanjian Baru, iaitu tujuh peratus daripada jumlah keseluruhan penduduknya. Walau bagaimanapun, kurang dari tujuh ratus ribu orang Yahudi yang tinggal di Palestin. Lebih ramai yang menetap di Aleksandria, Mesir, dan Siria berbanding di Palestin. Di bahagian-bahagian Palestin, contohnya Galilea di mana Yesus membesar, orang-orang bukan Yahudi adalah lebih ramai daripada orang Yahudi.

‘Penyebaran’ ialah istilah yang digunakan untuk orang-orang Yahudi yang tinggal di luar Palestin tetapi masih mengamalkan hukum-hukum agama dan adat Yahudi. ‘Diaspora’ adalah perkataan Yunani yang digunakan untuk istilah ini. Mereka yang tinggal di luar Palestin dikenali sebagai Yahudi Diaspora. Mereka adalah keturunan Yahudi yang tersebar di seluruh kawasan Timur Tengah dan Laut Tengah selepas dibuang oleh orang Asyur dan Babilonia pada abad keenam SM.

Pada waktu pemerintahan Aleksander Agung, beribu-ribu orang Yahudi pergi meninggalkan Palestin untuk tujuan perdagangan dan perniagaan ke negara-negara jiran, terutamanya di kota-kota utama. Menjelang zaman Yesus, penyebaran tersebut telah berkembang menjadi beberapa kali ganda dari penduduk Palestin. Rumah-rumah ibadat di setiap kawasan yang dikenali telah banyak membantu dalam penyebaran agama Kristian, dan Paulus telah melawat semua rumah ibadat di setiap kota yang dikunjungi.

Ramai di antara mereka yang kembali ke Yerusalem untuk menyambut perayaan-perayaan. Orang-orang Yahudi ini terbahagi kepada dua kelas: (1) Hebrais, atau Hebraic atau orang Yahudi yang bertutur dalam bahasa Ibrani, yang bukan sahaja mengekalkan iman mereka tetapi juga adat serta bahasa Yahudi. Mereka biasanya tidak disukai oleh orang bukan Yahudi kerana keangkuhan mereka, (2) Hellenis, atau Hellenistic atau orang Yahudi yang bertutur dalam bahasa Yunani dan menggunakan bahasa Yunani, pakaian dan adat, sementara masih mengamalkan iman agama Yahudi dalam pelbagai tahap. Kira-kira 250 SM, ramai orang Yahudi yang tinggal di Mesir bertutur dalam bahasa Yunani sehingga bermulanya penterjemahan Perjanjian Lama. Tradisi mengatakan bahawa seramai tujuh puluh penterjemah Yahudi telah melakukannya dan mereka dikenali sebagai Septuagint (LXX atau 70).

Orang Yahudi yang tersebar di merata tempat dengan terbuka membenarkan orang bukan Yahudi untuk membaca dan menerangkan Kitab Suci Perjanjian Lama di rumah ibadat mereka. Oleh itu, terdapat beberapa orang Yahudi yang sudah lazim dengan Perjanjian Lama, terutamanya di bahagian nubuatan dan apabila Paulus menerangkan tentang penggenapan nubuatan-nubuatan tersebut, mereka menerimanya dengan fikiran yang terbuka. Salah satu contoh ialah bagaimana orang bukan Yahudi di Antiokhia, Pisidia memberi respon kepada mesej Paulus yang diambil sepenuhnya dari Perjanjian Lama.

Ramai dari orang Yahudi Diaspora yang hadir ketika perayaan Pentakosta (KPR 2:1-41) menjadi Kristian dan mungkin telah menyebarkan injil apabila mereka kembali ke tempat asal mereka. Mereka mungkin telah mempersiapkan jalan untuk Paulus dan Barnabas ketika mereka pergi untuk memberitakan injil ke kota-kota di luar Palestin yang mempunyai ramai penduduk Yahudi. Walaupun ada orang Yahudi yang menerima injil tersebut, lebih ramai lagi orang bukan Yahudi yang berbuat demikian.

B. Bahasa

Bahasa Latin merupakan bahasa rasmi empayar Roma tetapi ia lebih banyak digunakan di bahagian Barat empayar tersebut. Di bahagian timur, bahasa yang banyak digunakan ialah Yunani. Selain daripada Yunani, orang Palestin bertutur dalam bahasa Aramia dan Ibrani. Jadi besar kemungkinan, Yesus dan murid-murid-Nya boleh bertutur dalam tiga bahasa. Dipercayai bahawa bahasa Aramia digunakan lebih meluas di Palestin berbanding bahasa Ibrani.

C. Tempat Kediaman

Rumah-rumah di bahagian barat empayar Roma dibina menggunakan batu-bata atau konkrit, terutamanya di kota-kota. Di bahagian timur, rumah biasanya dibina dengan bahan-bahan seperti bata yang dikeringkan dengan matahari dan plaster. Bumbungnya diperbuat daripada genting atau jerami. Walau bagaimanapun, rumah kediaman dan pekan-pekan di Palestin berlainan dari Roma dan lebih kuno.

Orang akan masuk ke dalam kawasan pekan melalui pintu gerbang di tembok. Di dalamnya, sebuah kawasan lapang yang berbentuk segi empat disediakan bagi orang ramai untuk bersosial dan berniaga. Yesus biasanya berkhotbah di kawasan seperti ini. Rumah-rumah dibina rendah dengan atap yang rata. Tempat kediaman mereka biasanya dibina dengan bata yang diperbuat daripada tanah dan jerami yang dibakar (dikeraskan) dengan bahang matahari. Ramai penduduk hidup di dalam rumah yang hanya mempunyai satu bilik. Sebahagian dari bilik tersebut dibina agak tinggi untuk dijadikan tempat memasak dan tempat tidur. Rumah berlantaikan tanah dan sesetengah rumah beralaskan batu. Penghuni rumah biasanya tidur di atas sehelai tikar nipis dan akan digulung pada siang hari. Binatang ternakan dan binatang tempatan hidup di kawasan yang lebih rendah.

Sebuah tangga di luar rumah dibina untuk menaiki bumbung. Bumbung rumah dijadikan tempat tidur ketika cuaca panas, tempat mengeringkan sayuran, buah-buahan dan tempat berdoa. Di atas bumbung seperti inilah Petrus berdoa apabila dia mendapat penglihatan dari syurga. Satu tembok rendah di sekeliling bumbung dibina untuk mengelak orang daripada terjatuh.



Rekonstruksi rumah Palestin pada Abad Pertama dengan oven dan pemeras minyak zaitun (atas/atap) serta tempat pengeringan hasil pertanian, jerami dll.



Model rumah dengan empat ruang utama ditemukan dekat Amman, Yordan.

D. Pakaian

Golongan lelaki memakai sehelai pakaian labuh sehingga ke lutut. Tali pinggang diikat di bahagian pinggang. Mereka memakai kasut kasar ataupun sandal sebagai alas kaki dan topi ataupun skaf sebagai pelindung kepala. Pada musim sejuk, jubah yang tebal akan dikenakan untuk memanas-kan badan.

Golongan wanita memakai pakaian pendek sebagai pakaian dalam. Kadang-kadang pakaian panjang sehingga ke pergelangan kaki yang berwarna terang juga akan dipakai. Mereka yang lebih berfesyen akan mengenakan kosmetik. Tudung digunakan untuk menutup kepala sambil membiarkan muka terdedah.

E. Golongan Sosial

Dalam masyarakat pagan, perbezaan sosial di antara golongan-golongan masyarakat adalah sangat jelas. Pengaruh agama Yahudi menjadikan orang Yahudi tidak dibahagikan kepada kelas-kelas sosial. Walau bagaimanapun, **ketua-ketua imam** dan **guru-guru Taurat** masih tergolong dalam kelas yang tinggi. **Petani, tukang-tukang, peniaga kecil** dan keluarga mereka menjadi golongan masyarakat yang selebihnya.

Di kalangan orang Yahudi, **pemungut cukai** ataupun pemungut tol yang dikenali secara tradisi sebagai **orang-orang awam**, merupakan golongan khusus yang dibenci oleh masyarakat. Orang Roma memungut banyak jenis cukai dan tol yang tidak langsung. Ini termasuklah cukai yang dikenakan di pelabuhan, jambatan, persimpangan jalan, tempat-tempat berniaga, dan jualan barangan yang dikeluarkan dari daerah mereka. Cukai-cukai yang dikenakan secara langsung seperti cukai tanah, dipungut oleh para pegawai mereka sendiri. Orang-orang kaya (pemungut cukai) selalunya orang asing, akan melakukan kontrak untuk memungut cukai-cukai tidak langsung bagi Kerajaan Roma. Kemudian, mereka akan mengupah orang lain daripada masyarakat tempatan, dalam kes ini orang Yahudi, untuk memungut cukai. Orang-orang Yahudi inilah yang dimaksudkan sebagai pemungut cukai di dalam Alkitab.

Para pemungut cukai dipandang hina kerana (i) mereka memungut wang untuk kuasa luar yang telah menduduki tanah mereka dan secara tidak langsung telah memberikan sokongan kepada penjajah (ii) para pemungut cukai memungut lebih daripada yang ditetapkan untuk kepentingan diri, lantas menjadi kaya dengan menggunakan wang orang Yahudi sendiri, (iii) pekerjaan mereka melibatkan perjumpaan secara berkala dengan orang bukan Yahudi. Ini menjadikan diri mereka tidak suci. Oleh itu, golongan ini dianggap tidak berbeza daripada perompak ataupun pencuri. Mereka juga sering dikaitkan dengan kumpulan 'pelaku dosa' di dalam Alkitab.

Belas kasihan Yesus terhadap pemungut cukai merupakan salah satu fakta menakjubkan di dalam pelayanan-Nya. Berita Baik Kerajaan Allah membolehkan semua orang untuk merasakan kasih kurnia Allah. Lukas menekankan mesej ini lebih daripada penulis-penulis Injil yang lain. Dia juga memberikan jaminan yang paling positif terhadap mereka. Tindakan Yesus di dalam memilih Lewi si pemungut cukai sebagai salah seorang daripada dua belas pengikut terdekat-Nya adalah sesuatu yang mengejutkan dan menyinggung orang Yahudi, terutamanya pihak penguasa keagamaan mereka.

Jumlah **hamba abdi** mungkin melebihi jumlah penduduk di dalam empayar Roma. Adalah menjadi kebiasaan bagi penjenayah, orang berhutang dan tawanan perang untuk dijadikan hamba sebagai hukuman. Banyak perumpamaan dan perkataan Yesus menunjukkan bahawa perhambaan masih wujud dalam budaya Yahudi ketika itu. Ramai daripada hamba-hamba tersebut lebih terpelajar daripada tuan mereka. Pada asalnya, hamba abdi yang melakukan jenayah sahaja yang akan disalibkan. Walau bagaimanapun, selepas beberapa waktu, hukuman salib ini turut dijatuhkan kepada orang bebas yang melakukan jenayah berat.



Peta Palestina Pada Zaman Yesus

Dunia Pada Zaman Perjanjian Baru



Pada masa kelahiran Yesus, Empayar Rom telah menaklukkan semua bahagian “dunia yang diketahui” dan satu masa perdamaian yang tidak menentu berlaku - *pax Romana*. Yudea pada masa ini adalah jajahan Empayar Rom — mendapat sedikit tingkat kemerdekaan yang sederhana. Program pembangunan jalanraya yang diperkenalkan oleh orang Romawi menjadikan perjalanan lebih mudah, sehingga membantu penyebaran Berita Baik Kerajaan Allah.

Gurun Sahara



SARMATIA

DASIA

SKITIA

KERAJAAN
BOSPORAN

MOESIA

Laut Hitam

KOLKIS

Laut
Kaspia

THRACE

PONTUS

ARMENIA

Filipi

Tesalonika

BITINIA

MISIA

Pegamum

FRIGIA

GALATIA

KAPPADOSIA

LIDIA

intus
YA

Athena

CARIA

PISIDIA

Listra

LIKONIA

LISIA

PAMFILIA

KILIKIA

Tarsus

Antiokia

Dura-Europus

MESOPOTAMIA

S. Tigris

S. Efrat

SIPRUS

Salamis

Pafos

SIRIA

MEDIA

KRETA

Laut Tengah

FENISIA

Damaskus

Tirus

Yerusalem

Yerikho

YUDEA

Babel

LIBIA

Aleksandria

NABATEA

Memfis

Petra

Gurun Arabia

MESIR

S. Nil

Tebes

Laut
Merah

ARABIA

Laut Arabia



Matius

Injil Para Murid

GAMBARAN KESELURUHAN

Matius, yang ditulis untuk orang Kristian Yahudi, berfokus kepada siapakah Yesus, mengapa Dia datang, dan bagaimana Dia bertepatan dengan tujuan Allah yang lebih besar, menunjukkan bahawa Dia adalah Mesias yang telah lama dinantikan, pembawa kerajaan Allah.

RINGKASAN

Siapakah Yesus (1:1-17)

Matius bermula dengan mencatatkan nenek moyang utama Yesus, bermula dari Abraham dan melalui Raja Daud (1:1-17), untuk menunjukkan bahawa Dia mempunyai hak yang sah untuk menggenapi janji-janji Allah kepada mereka.

Bagaimana Yesus Datang (1:18-3:17)

Matius menggambarkan konsepsi ajaib Yesus dan peristiwa-peristiwa di sekitar kelahirannya (1:18-2:23). Tanpa apa-apa catatan tentang 30 tahun pertama mengenai diri-Nya, dia datang kepada Yohanes Pembaptis yang menyediakan jalan bagi Yesus (3:1-12). Pada pembaptisan-Nya, Allah mengesahkan Yesus sebagai Anak-Nya dan memenuhi-Nya dengan Roh-Nya (3:13-17), memperkasakan-Nya untuk misi-Nya.

Apa yang Yesus Ajarkan (4:1-25:46)

Setelah mengalahkan Iblis (4:1-11), Yesus berpindah ke Kapernaum di mana Dia memulakan pelayanan-Nya dan memanggil murid-murid-Nya (4:12-25). Matius mencatatkan pengajaran utama Yesus, menyusunnya secara tematik menjadi lima blok utama (bab 5-7; 10; 13; 18; 24-25) dan menyelangi pengajaran ini dengan catatan-catatan tentang apa yang Yesus lakukan. Tumpuan Yesus selalu adalah kerajaan Allah, mukjizat-mukjizat-Nya berfungsi sebagai *satu demonstrasi dan semua perumpamaan-Nya adalah penjelasan* tentang hal itu. Tetapi sementara orang Yahudi mengharapkan Mesias mendirikan kerajaan Allah dengan pedang, Matius menunjukkan Yesus datang untuk melakukannya melalui salib.

Mengapa Yesus Mati (26:1-28:20)

Kerana marah dengan ajaran Yesus, para penentang agama dan musuh politik-Nya berpakat untuk memperdaya dan membunuh Yesus (26:3-5), mendapat peluang yang sempurna apabila Yudas bersetuju untuk mengkhianati-Nya (26:14-16). Selepas berkongsi Paskah dengan murid-murid-Nya (26:17-29) dan meramalkan penyangkalan Petrus (26:31-35), Yesus pergi ke Getsemani di mana Dia berdoa dan dikhianati (26:36-56). Selepas beberapa perbicaraan sepanjang malam itu (26:57-27:26), Yesus disalibkan dan dikuburkan (27:27-65). Namun, ini bukan akhir dari cerita, kerana Yesus bangkit daripada kematian (28:1-15), membuktikan bahawa Dia benar-benar adalah Mesias. Dia kemudian mengutus murid-murid-Nya ke seluruh dunia untuk memberitakan berita baik-Nya kepada semua bangsa (28:16-20).

Penulis

Sejak dari zaman gereja awal Injil Matius dipercayai ditulis oleh seorang pemungut cukai yang muncul dalam 9:9. Ini disokong oleh bukti-bukti lain. Matius adalah satu-satunya penulis Injil yang menyebutkan pemungut cukai ini sebagai "Matius". Selain itu, tulisannya menunjukkan minat terhadap angka dan pengetahuan tempatan yang anda boleh jangkakan daripada seorang pemungut cukai yang tinggal di tempat itu pada masa itu. Matius ini adalah salah seorang daripada dua belas murid Yesus (10:2-4).

Tahun Penulisan

Oleh kerana Matius memetik secara luas dari Injil Markus, tampak jelas dia menulis Injilnya kemudian, mungkin pada tahun 60-an, tetapi hampir pasti sebelum kehancuran Yerusalem pada 70M.

GARIS BESAR – MATIUS

Siapakah Yesus

1:1-17 Nenek-moyang Yesus melalui Raja Daud kepada Abraham

17:1-13 Yesus dipermuliakan di atas gunung
17:14-18:35 Lebih banyak mukjizat dan perumpamaan tentang kerajaan Allah

Bagaimana Yesus Datang

1:18-25 Keadaan semasa kelahiran Yesus
2:1-12 Ahli ilmu bintang menyembah bayi Yesus

19:1-12 Ajaran Yesus mengenai perceraian dan perkahwinan

2:13-23 Keluarga Yesus melarikan diri dari Raja Herodes

19:13-15 Yesus memberkati kanak-kanak

3:1-12 Yohanes Pembaptis menyediakan jalan untuk pelayanan Yesus

19:16-20:28 Ajaran tentang kekayaan dan kebesaran dalam kerajaan Allah

3:13-17 Pembaptisan Yesus dan pengesahan Allah

20:29-34 Dua orang buta disembuhkan

21:1-11 Yesus masuk ke Yerusalem

21:12-17 Yesus membersihkan Bait Suci yang menjadi pasar dan menyembuhkan orang di sana

21:18-23:39 Perumpamaan dan pengajaran tentang perselisihan Yesus dengan para pemimpin Yahudi

Apa yang Yesus Ajarkan

4:1-11 Yesus mengatasi godaan Iblis

4:12-25 Yesus memulakan pelayanan-Nya dan memanggil murid-murid-Nya yang pertama

24:1-25:46 Ajaran Yesus tentang akhir zaman

5:1-7:29 Khutbah di Bukit: kehidupan dalam kerajaan Allah

8:1-9:34 Kewibawaan Yesus ditunjukkan dalam mukjizat

Mengapa Yesus Mati

26:1-16 Para pemimpin Yahudi merancang untuk membunuh Yesus dan Yudas bersetuju untuk mengkhianati-Nya

9:35-10:42 Yesus mengutus dua belas murid-Nya untuk mengumumkan kedatangan kerajaan Allah

26:17-30 Yesus dan murid-murid-Nya merayakan Paskah

11:1-12:50 Respons terhadap pelayanan Yesus

26:31-35 Yesus meramalkan penyangkalan Petrus terhadap-Nya

13:1-52 Perumpamaan tentang kerajaan Allah

26:36-56 Doa dan pengkhianatan terhadap Yesus di Getsemani

13:53-14:12 Konflik yang semakin meningkat mengenai pelayanan Yesus dan kematian Yohanes Pembaptis

26:57-75 Yesus disoal oleh para pemimpin Yahudi dan Pilatus, dan disangkal oleh Petrus

14:13-15:39 Penyediaan Yesus ditunjukkan dalam mukjizat

27:1-10 Yudas menggantung dirinya

16:1-12 Peringatan Yesus tentang orang Farisi dan Saduki

27:11-44 Perbicaraan dan penyaliban Yesus

16:13-20 Petrus mengiktiraf Yesus sebagai Mesias Israel

27:45-66 Kematian dan pengebumian Yesus

16:21-28 Yesus meramalkan penderitaan dan kematian-Nya yang akan datang

28:1-15 Penemuan kubur yang kosong dan Yesus yang bangkit

28:16-20 Yesus mengutus murid-murid-Nya ke dunia dengan berita baik

Yesus, Mesias

Matius menunjukkan bahawa Yesus adalah Mesias melalui salasilah-Nya (1:1-17), gelaran-gelaran (seperti Anak Daud dan Mesias), persamaan dengan Israel (misalnya 2:15), dan penggenapan nubuatan. Dia memetik Perjanjian Lama secara meluas, yang menunjukkan bagaimana peristiwa dalam kehidupan Yesus menggenapi apa yang tertulis (1:22; 4:14; 8:17; 12:17; 21:24), mengesahkan tuntutan mesianik-Nya. Matius juga membuat persamaan antara Musa dan Yesus. Sebagai contoh, sama seperti Musa meninggalkan Mesir, demikian juga Yesus; sama seperti Musa menerima Perintah Allah di sebuah gunung, demikian juga Yesus menjelaskan perintah-perintah itu di sebuah gunung (Khutbah di Bukit).

Yesus, Raja

Matius menggambarkan Yesus sebagai Raja tertinggi, dari keturunan Daud (1:1-17) dan dihormati oleh orang Majus yang bukan Yahudi yang mencari Raja orang Yahudi (2:2), menggariskan sifat global kedudukan-Nya sebagai raja. Yesus menuntut hak Raja untuk menghakimi semua orang pada akhir zaman (25:31-46) dan Dia menyerahkan kewibawaan kerajaan-Nya atas semua bangsa kepada murid-murid-Nya (28:16-20).

Pemerintahan ini juga dilihat dalam penekanan Matius pada “kerajaan Allah”; menulis untuk para pembaca Yahudi, dia secara umum menyebutnya sebagai “kerajaan syurga” kerana orang Yahudi mengelak daripada menggunakan nama Allah. Orang Yahudi percaya kerajaan Allah akan datang dengan penuh kuasa pada akhir zaman, membawa penghakiman terhadap musuh-musuh Allah; tetapi Yesus mengatakan itu sudah mula datang sekarang, kerana Dia, Sang Raja sudah ada di sini. Kerajaan-Nya mempunyai dimensi masa sekarang (misalnya 12:28) dan masa hadapan (misalnya 24:36-51).

Yesus, Pemenuhan dan Asas

Petikan Matius yang luas dari Perjanjian Lama (misalnya 2:5-6; 3:3; 4:4,6-7; 11:10; 13:13-15; 15:7; 21:4-5,9,13,16) bersama-sama dengan

penggunaan frasa “supaya terlaksanalah” (misalnya 1:22-23; 4:14-16; 8:17; 12:17-21; 21:4-5) mengesahkan pandangannya terhadap Yesus sebagai pemenuhan harapan orang Yahudi untuk seorang Mesias, iaitu seorang pembebas yang dihantar oleh Allah sendiri. Dia menekankan lebih jauh kepercayaan ini tentang Yesus sebagai pemenuhan harapan itu, dan menarik persamaan, secara tersurat dan tersirat, antara Musa sebagai pembawa Perjanjian Lama dan Yesus sebagai pembawa yang baru. Oleh itu, sama seperti Musa meninggalkan Mesir, demikian juga Kristus datang dari sana. Sama seperti Musa menerima Sepuluh Perintah di atas gunung (Keluaran 19:20-20:1), begitu juga Yesus menjelaskan perintah-perintah itu melalui Khutbah di Bukit. Sama seperti Musa berhadapan dengan kekurangan iman yang mengejutkan (Keluaran 32:1-20) ketika dia turun dari gunung itu, demikian jugalah Yesus (17:14-20).

Yesus, Guru

Matius mengumpulkan ajaran Yesus ke dalam lima bahagian utama, mengingat semula Musa dan lima kitab Hukumnya dan menunjukkan bahawa Yesus bukan sahaja seorang guru tetapi seorang Musa baru yang akan membawa satu pembebasan baru. Lima bahagian utama ini merangkumi:

- Kehidupan kerajaan – Khutbah di Bukit (5:1-7:29).
- Misi kerajaan – ajaran tentang misi (10:1-42)
- Prinsip kerajaan – perumpamaan-perumpamaan tentang kerajaan (13:1-58)
- Sikap kerajaan – menjaga yang lemah dan mengampuni orang lain (18:1-35)
- Perspektif kerajaan – rancangan Allah untuk sejarah, termasuk kehancuran Yerusalem yang akan berlaku dan kedatangan Kristus pada akhir zaman (24:1-25:46)

Oleh itu, titik utama dalam Injil Matius, baik dalam pengajaran langsung maupun perumpamaan, adalah komuniti baru kerajaan Allah. Ketika para ahli mistik Yahudi berbicara tentang lokasi dan penampilan fizikal syurga, Kristus membicarakan inti pati kerajaan syurga,

Sikap-sikap yang Diberkati

Matius 5:1-16: Kualiti-kualiti khas, dalaman dan rohani yang menandakan kita sebagai warga kerajaan itu.

“Diberkatilah mereka yang miskin kerohanian, kerana merekalah yang empunya kerajaan syurga” (ayat 3)

Adakah kita rendah hati? Apakah respons kita ketika kita bertemu dengan Allah (Yesaya 57:15)?

“Diberkatilah mereka yang bersedih, kerana mereka akan terhibur” (ayat 4)

Adakah kita menyedari kerosakan dalaman kita sendiri (Roma 7:24)?

“Diberkatilah mereka yang lemah lembut, kerana mereka akan mewarisi bumi ini” (ayat 5)

Sejauh manakah kita menegaskan diri kita sendiri; seberapa sensitifkah kita (Bilangan 12:3)?



“Diberkatilah mereka yang lapar dan dahaga akan perbenaran, kerana mereka akan dipuaskan” (ayat 6)

Adakah kita mempunyai keinginan tertinggi untuk mengenal Allah dan bersekutu dengan-Nya (Filipi 3:10)?

“Diberkatilah mereka yang berpengasihian, kerana mereka akan dikasihani juga” (ayat 7)

Adakah kita berbelas kasihan kepada orang lain (Lukas 10:36-37)?

“Diberkatilah mereka yang suci hati, kerana mereka akan melihat Allah” (ayat 8)

Adakah kita mempunyai hati yang tulus dan tidak terbahagi yang mencari Allah di atas segalanya (Mazmur 86:11)?

“Diberkatilah mereka yang mendamaikan manusia, kerana mereka akan dipanggil anak-anak Allah” (ayat 9)

Seberapa “sensitifnya” kita, dalam berkeras untuk hak kita? Adakah kita berdoa, melakukan semua yang kita mampu untuk membawa kedamaian, termasuklah berdiam diri pada waktu-waktu yang tertentu (Ibrani 12:14)?

“Diberkatilah mereka yang dianiaya demi perbenaran, kerana kerajaan syurga untuk mereka” (ayat 10-12)

Adakah kehidupan kita berbeza dengan kehidupan di sekeliling kita (2 Timotius 3:12)?

Yesus berkata bahawa sebagai warga kerajaan ini kita seharusnya membangun hidup kita, bukan hanya dengan mendengar ajaran-Nya tetapi juga dengan melakukannya.

terutama dalam perumpamaan-perumpamaan di bab 13. Sebagai raja sejati kerajaan itu, Dia memanggil orang lain ke dalam pelayanan diraja-Nya. Fokus komunal ini menunjukkan dirinya juga, kerana inilah satu-satunya Injil yang menyebutkan gereja itu sendiri (16:18; 18:17). Para pembaca Injil Matius akan mendapati diri mereka bertumbuh dalam satu kesedaran yang mendalam tentang tempat mereka sendiri dalam rancangan Allah yang kekal dan abadi.

Yesus, Hakim

Kerana Yesus adalah Raja, Dia juga adalah hakim tertinggi. Walaupun mesej Yesus adalah berita yang baik, namun Dia tidak takut untuk membiarkan penghakiman Allah yang akan datang kepada mereka yang tidak mempercayai mesej-Nya (misalnya 11:20-24; 12:22-42; 23:1-25:46). Penghakiman ini menggariskan keperluan untuk membuat keputusan yang baik mengenai Yesus sekarang, atau berhadapan dengan risiko kehilangan hidup kita untuk selama-lamanya (misalnya 10:32-33; 16:24-27).

Menggunakan Firman Allah

Ramai pengkhotbah pada hari ini hanya menggunakan Perjanjian Baru, tetapi Matius menunjukkan bagaimana Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru saling melengkapi. Yesus tidak datang untuk menghapuskan Perjanjian Lama tetapi untuk menggenapinya (5:17-18), seperti yang ditunjukkan oleh Matius dengan sering memetik daripadanya. Dia ingin kita melihat garis aktiviti Allah yang tidak terputus dalam sejarah, merentang kembali kepada Abraham dan Musa dan maju ke akhir zaman ini. Pengkhotbah-pengkhotbah yang bijak akan mencerminkan hal ini dalam khutbah mereka.

“Yesus menjelajah ke serata Galilea. Dia mengajar di rumah ibadat dan menyampaikan Injil Kerajaan Allah serta menyembuhkan semua jenis penyakit dan kesakitan dalam kalangan mereka.”

(Matius 4:23)

Bergantung pada Firman Allah

Bagi Yesus, firman Allah bukanlah sesuatu untuk dipelihara dan disimpan sendiri seperti yang dilakukan oleh orang Farisi, tetapi satu realiti yang dinamik yang mengubah kehidupan. Dia mencontohkan kepercayaan-Nya (5:18) dan kebergantungan-Nya pada firman Allah (4:1-11). Firman Allah masih hidup dan aktif.

Mengajarkan Firman Allah

Walaupun Matius memberi kita lima blok utama pengajaran Yesus, jelas bahawa Yesus mengajar lebih banyak lagi, dan menyokongnya dengan mukjizat-mukjizat-Nya (4:23-25), serta mengagumkan orang ramai dengan kewibawaan-Nya (7:28-29). Dia menggunakan

ilustrasi yang sederhana untuk mengajarkan kebenaran yang sangat mendalam (misalnya perumpamaan) dan menjadikannya mudah diingati melalui struktur yang sederhana (misalnya Ucapan Yang Diberkati, 5:3-11). Pengajaran yang baik memperhatikan keperluan mereka yang diajar.

Mengikuti Firman Allah

Yesus berkata kita harus membina kehidupan kita, bukan hanya dengan mendengarkan ajarannya tetapi juga mempraktikkannya (7:24-27). Matius terus-menerus menekankan tuntutan pemuridan, yang melibatkan mencari kerajaan Allah terlebih dahulu (6:25-34) dan mempertaruhkan segala sesuatu untuk mengikuti Yesus (misalnya 4:19; 8:18-22; 10:32-39; 16:24-25). Tetapi mereka yang melakukannya akan mendapati diri mereka diberikan ganjaran yang berlimpah-limpah (misalnya 19:27-30).



Mempercayai Firman Allah

Kita tidak selalu melihat dengan segera hasil dari apa yang kita taburkan, dan demikian jugalah dengan firman Allah (13:1-23). Namun, kerana itu adalah firman Allah, firman tentang kerajaan-Nya, ada kuasa di dalamnya dan ia akan bertumbuh (13:31-33). Sekiranya kita hidup berdasarkan prinsip-prinsip kerajaan Allah, maka Allah akan selalu memperbenarkan apa yang kita lakukan, seperti yang Dia lakukan dalam kehidupan Yesus.

Berkongsi Firman Allah

Walaupun Matius berfokus terutama pada misi Yesus kepada orang Yahudi (misalnya 10:5-6), namun dia tahu bahawa mesej Yesus adalah untuk semua orang, walau apapun bangsa dan latar belakang sosial mereka (2:1-12; 8:5-13; 21:43; 28:18-20). Pemberitaan kita tentang Injil tidak seharusnya hanya untuk orang “yang seperti kita” sahaja.

PALESTINA PADA ZAMAN PERJANJIAN BARU



Mukjizat-mukjizat Yesus Kristus

Mukjizat Penyembuhan

Sekumpulan orang yang sakit
Matius 12:15; 15:29-31;
Markus 7:31-37

Orang yang menghadapi penyakit kulit
Matius 8:2-4; Markus 1:40-44;
Lukas 5:12-14

Hamba ketua tentera Romawi
Matius 8:5-13; Lukas 7:1-10

Ibu mertua Petrus
Matius 8:14-15; Markus 1:29-31;
Lukas 4:38-39

Orang lumpuh
Matius 9:2-8; Markus 2:3-12;
Lukas 5:18-26

Pengusiran

Dua orang yang tinggal di gua kubur
Matius 8:28-34; Markus 5:1-17;
Lukas 8:26-37

Seorang lelaki bisu
Matius 9:32-34

Mukjizat Alam Semula Jadi

Menenangkan badai
Matius 8:23-27; Lukas 8:22-25;
Markus 4:36-41

Berjalan di atas air
Matius 14:22-33; Markus 6:45-51;
Yohanes 6:15-21

Syiling di dalam mulut ikan
Matius 17:24-27

Mukjizat Kebangkitan

Anak balu di Nain
Lukas 7:11-15

Wanita pesakit pendarahan
Matius 9:20-22; Markus 5:25-34;
Lukas 8:43-48

Dua orang buta
Matius 9:27-31

Orang lumpuh sebelah tangan
Matius 12:10-13; Markus 3:1-5;
Lukas 6:6-10

Dua orang buta di Yerikho
Matius 20:29-34; Markus 10:46-52;
Lukas 18:35-43

Orang yang bisu tuli
Markus 7:31-37

Orang yang buta di Betsaida
Markus 8:22-26

Orang yang buta dan bisu
Matius 12:22; Lukas 11:14

Anak seorang wanita Kanaan
Matius 15:21-28; Markus 7:24-30

Lelaki di rumah ibadat
Markus 1:21-28; Lukas 4:31-37

Memberi makan 5,000 orang
Matius 14:13-21; Markus 6:32-44;
Lukas 9:10-17;
Yohanes 6:1-13

Memberi makan 4,000 orang
Matius 15:32-39; Markus 8:1-10

Menangkap ikan
Lukas 5:1-11

Anak Yairus
Matius 9:18-19,23-25; Markus 5:22-24,35-43; Lukas 8:41-42;
49-56

Orang yang sakit busung
Lukas 14:1-4

Sepuluh orang pesakit kusta
Lukas 17:11-19

Telinga Malkus
Lukas 22:50-51

Anak pegawai kerajaan di Kapernaum
Yohanes 4:46-54

Lelaki uzur di pinggir kolam
Yohanes 5:1-9

Lelaki yang buta sejak lahir
Yohanes 9:1-41

Anak lelaki yang menghidap sakit gila babi
Matius 17:14-19; Markus 9:14-28;
Lukas 9:37-42

Seorang perempuan bongkok
Lukas 13:11-13

Pokok ara yang layu
Matius 21:18-22;
Markus 11:12-14,20-24

Air berubah menjadi air anggur
Yohanes 2:1-11

Menangkap ikan untuk sarapan
Yohanes 21:1-14

Lazarus
Yohanes 11:1-44

Perumpamaan-perumpamaan Yesus Kristus

Pelita di bawah pasu

Matius 5:14-16; Markus 4:21-22;
Lukas 8:16-17; 11:33

Orang bijak dan orang bodoh dalam membina rumah

Matius 7:24-27; Lukas 6:47-49

Perca kain baru pada pakaian lama

Matius 9:16; Markus 2:21;
Lukas 5:36

Air anggur baru dalam kirbat kulit yang lama

Matius 9:17; Markus 2:22;
Lukas 5:37-38

Penyemai dan biji benih

Matius 13:3-8,18-23; Markus 4:2-8,13-20; Lukas 8:5-8,11-15

Langang di antara gandum

Matius 13:24-30,36-43

Biji sawi

Matius 13:31-32; Markus 4:30-32; Lukas 13:18-19

Ragi

Matius 13:33; Lukas 13:20-21

Harta tersembunyi

Matius 13:44

Mutiara yang paling tinggi nilainya

Matius 13:45-46

Pukat

Matius 13:47-50

Domba yang hilang

Matius 18:12-14; Lukas 15:4-7

Hamba yang tidak berbelas kasihan

Matius 18:23-35

Pekerja di ladang anggur

Matius 20:1-16

Dua orang anak

Matius 21:28-32

Penyewa ladang

Matius 21:33-46; Markus 12:1-12;
Lukas 20:9-19

Majlis perkahwinan

Matius 22:1-14

Pokok ara dan daun-daunnya

Matius 24:32-33; Markus 13:28-29; Lukas 21:29-31

Hamba yang bijaksana

Matius 24:45-51; Lukas 12:42-46

Sepuluh anak dara

Matius 25:1-13

Wang emas

Matius 25:14-30

Domba dan kambing

Matius 25:31-46

Benih yang tumbuh

Markus 4:26-29

Pemiutang wang

Lukas 7:41-43

Orang Samaria yang baik hati

Lukas 10:30-37

Sahabat pada lewat malam

Lukas 11:5-8

Seorang kaya yang bodoh

Lukas 12:16-21

Hamba yang berjaga-jaga

Lukas 12:35-40

Pokok ara yang tidak berbuah

Lukas 13:6-9

Tempat duduk dalam majlis perkahwinan

Lukas 14:7-14

Jamuan besar

Lukas 14:16-24

Pengorbanan menjadi murid Yesus

Lukas 14:28-33

Wang yang hilang

Lukas 15:8-10

Anak lelaki yang hilang

Lukas 15:11-32

Pengurus yang cerdik

Lukas 16:1-8

Orang kaya dan Lazarus

Lukas 16:19-31

Tuan dan hamba

Lukas 17:7-10

Hakim yang tidak adil

Lukas 18:1-8

Orang Farisi dan pemungut cukai

Lukas 18:9-14

Sepuluh wang mina

Lukas 19:12-27



Markus

Yesus untuk Para Pemula

GAMBARAN KESELURUHAN

Injil yang paling pendek dan paling awal, Markus dituliskan dalam bahasa yang sederhana yang penuh aksi dan bergerak pantas. Ia merupakan kisah hidup dan pengajaran Yesus, Mesias (8:29) dan Anak Allah (15:39), yang ditolak oleh bangsa-Nya sendiri tetapi dipertahankan dan dibela oleh Allah melalui kebangkitan-Nya.

RINGKASAN

Dalam Injilnya, Markus melukiskan satu gambaran yang jelas tentang Yesus sebagai seorang Mesias (Penyelamat) yang tidak seharusnya kita abaikan. Dia telah menyusun bahannya secara kronologi, dengan lebih banyak penekanan pada pekerjaan Yesus di Galilea dan pada minggu terakhir hidup-Nya. Dia menulis untuk mereka yang bukan dari latar belakang Yahudi, kerana dia sering menjelaskan sejarah dan tradisi orang Yahudi. Hakikatnya, dia mungkin mempertimbangkan para pembaca Romawi.

Injil Markus adalah satu-satunya Injil yang mengandungi perkataan *Injil* yang sebenar, yang bermaksud “berita baik”, dan dia dengan jelas melihat Kristus sebagai berita baik bagi semua orang: berita baik yang dinubuatkan oleh Yesaya (1:2-3) dan yang disediakan oleh Yohanes Pembaptis (1:2-8). Selepas pembaptisan-Nya dan mengatasi godaan Iblis (1:9-13), Yesus mula untuk mengumumkan berita baik ini: kerajaan Allah telah tiba; dan itu menuntut satu respons (1:14-20). Kerajaan ini akan mempengaruhi seluruh kehidupan, seperti yang ditunjukkan oleh Markus melalui serangkaian cerita yang menunjukkan kewibawaan Yesus atas segalanya: roh-roh jahat (1:21-28), penyakit (1:29-34), kenajisan (1:40-45), dosa (2:1-12), penyisihan (2:13-18), tradisi keagamaan (2:18-22), bahkan hari Sabat (2:23-3:6). Semua ini menarik ramai orang (3:7-12), dan Yesus sekarang memanggil 12 orang rasul untuk bekerja bersama-Nya (3:13-19).

Melanjutkan pelayanan-Nya, yang bermula di Galilea dan di sekitar tasik itu, dan kemudian di wilayah orang bukan Yahudi (7:24-9:32), Dia sampai di Kaisarea Filipi yang pagan, di mana Dia bertanya kepada para murid-Nya siapakah Dia menurut mereka. Petrus mengakui Dia

sebagai Kristus, atau Mesias (8:27-30). Dari saat itu, Yesus mula menjelaskan Mesias yang seperti apakah Dia – membangunkan kerajaan Allah bukan melalui kekuatan, tetapi melalui penderitaan dan kematian (8:31-38). Selepas penjelmaan-Nya (9:2-13), Yesus bergerak ke selatan (10:1), mengajar mengenai pemuridan dan meramalkan kematian-Nya dengan semakin jelas (10:32-34).

Sepertiga terakhir dari Injil Markus dikhususkan untuk minggu terakhir kehidupan Yesus: kemasukan kemenangan-Nya ke Yerusalem dan pembersihan Bait Suci (11:1-19), pengajaran dan penentangan-Nya (11:20-13:37), pengurapan-Nya (14:1-11), Perjamuan Terakhir (14:12-26), penangkapan-Nya di Getsemani (14:32-52) dan percabaran, penyaliban-Nya serta pemakaman-Nya (14:53-15:47). Namun begitu, Injil ini berakhir dengan sebuah harapan, di mana para wanita mendapati makam itu telah kosong dan malaikat-malaikat mengisytiharkan bahawa Yesus telah bangkit (16:1-8).

Bahagian yang terakhir (16:9-20) mungkin tidak ditulis oleh Markus (bahasa Yunannya berbeza) tetapi ditambahkan oleh seorang pemimpin gereja awal.

Penulis

Gereja awal sebulat suara bahawa penulisnya adalah Yohanes Markus (lihat Kisah Para Rasul; 15:37-40; Kolose 4:10; 2 Timotius 4:11; Filemon 24; 1 Petrus 5:13). Tradisi mengatakan bahawa dia mencatat khotbah Petrus di Roma. Ada yang berpendapat bahawa dia adalah orang yang disebutkan dalam Markus 14:51-52.

Tahun Penulisan

Ramai yang percaya bahawa ini adalah Injil yang pertama, ditulis pada penghujung 50-an atau awal 60-an ketika penganiayaan Romawi terhadap orang Kristian semakin meningkat.

GARIS BESAR – MARKUS

Pengenalan kepada Yesus Sang Mesias

- 1:1 Permulaan Injil tentang Yesus
1:2-8 Yohanes Pembaptis menyediakan jalan bagi Yesus
1:9-11 Pembaptisan Yesus dan mesej Allah tentang Dia
1:12-13 Yesus digoda oleh Iblis
1:14-20 Yesus memulakan pelayanan-Nya dan memanggil murid-murid yang pertama
1:21-2:12 Kewibawaan Yesus ditunjukkan dalam perbuatan dan khutbah-Nya
2:13-14 Yesus memanggil Matius untuk mengikut-Nya
2:15-3:6 Pertikaian dengan pemimpin-pemimpin Yahudi
3:7-19 Populariti Yesus yang semakin meningkat dan pemilihan dua belas murid-Nya
3:20-35 Kontroversi yang semakin meningkat tentang pelayanan Yesus
4:1-34 Perumpamaan tentang kerajaan Allah
4:35-5:43 Mukjizat di sekitar Galilea menunjukkan kewibawaan Yesus
6:1-6 Yesus ditolak di Nazaret
6:7-13 Yesus mengutus dua belas murid untuk meneruskan pekerjaan-Nya
6:14-29 Yohanes Pembaptis dihukum mati oleh Herodes
6:30-56 Yesus memberi makan orang ramai, berjalan di atas air dan menyembuhkan ramai orang
7:1-23 Ajaran Yesus tentang kebersihan dalaman
7:24-8:10 Mukjizat Yesus di wilayah orang bukan Yahudi
8:11-21 Para pemimpin Yahudi dan murid-murid tidak memahami Yesus
8:22-26 Yesus menyembuhkan orang buta
8:27-30 Petrus mengakui Yesus sebagai Mesias Israel

Jenis Mesias Yesus

- 8:31-9:1 Yesus memberitahu para murid tentang penderitaan dan kematian-Nya yang akan datang
9:2-13 Penjelmaan Yesus
9:14-29 Yesus menyembuhkan budak lelaki yang dirasuk roh jahat
9:30-50 Ajaran Yesus tentang kebesaran dan pelayanan dalam kerajaan Allah
10:1-12 Ajaran Yesus tentang perceraian dan perkahwinan
10:13-16 Yesus menerima kanak-kanak dan memberkati mereka
10:17-31 Ajaran tentang pemuridan dan kekayaan
10:32-45 Yesus mengajar murid-murid-Nya sekali lagi tentang penderitaan dan pelayanan dalam kerajaan Allah
10:46-52 Yesus menyembuhkan Bartimeus
11:1-11 Yesus masuk dengan kemenangan ke Yerusalem
11:12-26 Yesus mengusir para pedagang dari Bait Suci
11:27-12:44 Pertikaian Yesus dengan pemimpin-pemimpin Yahudi
13:1-37 Ajaran Yesus tentang akhir zaman
14:1-11 Yudas bersetuju untuk mengkhianati Yesus
14:12-26 Yesus dan murid-murid-Nya merayakan Paskah
14:27-31 Yesus meramalkan penyangkalan Petrus
14:32-52 Doa dan penangkapan Yesus di Getsemani
14:53-15:15 Perbicaraan Yesus dan penyangkalan Petrus
15:16-47 Penyaliban dan pengebumian Yesus
16:1-20 Kebangkitan Yesus dan pengutusan murid-murid-Nya

Peribadi Yesus

Markus memperkenalkan Injilnya dengan menekankan pada “Yesus Kristus, Anak Allah” (1:1), dengan segera menyatakan siapakah Dia:

- *Kristus* (Yunani) atau *Mesias* (Ibrani), yang bermaksud “yang diurapi”, penyelamat dari Allah. Walaupun orang pada zaman Yesus mengharapkan Mesias yang bersifat ketenteraan, tetapi Yesus akan membawa pembebasan dengan cara yang sangat berbeza (8:27-32).
- *Anak Allah*, seperti yang dinyatakan oleh Allah sendiri (1:11; 9:7) dan ketua tentera yang berdiri di hadapan salib (15:39).

Namun begitu, gelaran yang digemari oleh Yesus bagi diri-Nya sendiri adalah *Anak Manusia* kerana maksudnya tidak segera jelas.

Menggabungkan dua idea utama Perjanjian Lama – Anak Manusia sebagai tokoh syurgawi yang mulia (Daniel 7:13-14) dan sebagai tokoh duniawi yang rendah (Mazmur 8:4) – ini menyimpulkan secara tepat kedua-dua aspek sifat Yesus sebagai Allah dan manusia.

Masalah Yesus

Yesus adalah satu masalah kepada ramai orang. Keluarga-Nya berfikir Dia gila (3:20-21), para pemimpin agama berfikir Dia dirasuk (3:22), orang kampung-Nya keliru oleh-Nya (6:1-6), dan bahkan murid-murid-Nya sendiri pun tidak memahami-Nya (4:13; 8:14-21, 31-34). Hanya roh-roh jahat yang mengetahui siapakah Dia (1:24, 34; 5:7)! Tetapi perkara ini bukan satu kebetulan. Yesus tidak membuat jelas identiti-Nya, dan sering memberitahu mereka yang mengetahuinya untuk *tidak* memberitahu orang lain (1:44; 5:43; 8:30) kerana harapan yang salah pada masa



Lintasan pejalan kaki, Jepun. Markus memberitahu kita bahawa berita baik kerajaan Allah ada di sini dan pintu untuknya terbuka bagi semua orang.

itu tentang siapa Mesias dan apa yang akan dilakukannya. Hanya apabila tidak ada salah faham tentang Mesias seperti apa yang Dia dakwa, barulah Dia secara terang-terangan mengakuinya (14:60-64). Sudah tentu, selepas kebangkitan, rahsia mesianik ini tidak perlu dirahsiakan lagi.

Kuasa Yesus

Yesus menyokong tuntutan-Nya dengan menunjukkan kewibawaan-Nya. Dia mengalahkan roh-roh jahat (1:21-28), menyembuhkan penyakit (1:29-45), mengampuni dosa (2:1-12), mengawal alam semula jadi (4:35-41) dan bahkan mengatasi kematian (5:35-43). Bahkan dalam perjumpaan-Nya dengan Pilatus, Dia tetap mendiamkan kewibawaan-Nya – tahanan berkuasa ke atas orang yang menangkapnya (15:1-15, terutamanya ayat 5). Kuasa-Nya yang sepenuhnya ditunjukkan pada kebangkitan di mana kematian itu sendiri

tidak dapat menahan-Nya.

Penderitaan Yesus

Walaupun Markus tidak terlalu memperlihatkan secara terperinci penderitaan Yesus, dan menyimpulkan penyaliban dengan kata-kata sederhana “mereka menyalib-Nya” (15:24), namun jelas sekali bahawa ini adalah fokus dan kemuncak Injilnya dan semua yang telah diramalkan oleh Yesus (8:31; 9:12; 10:33-34; 14:21).


Jalan Yesus

Para murid sering diingatkan bahawa mereka juga perlu berjalan di jalan Yesus, bersedia untuk melak daya tarikan kebesaran (9:33-36) dan menderita seperti-Nya (8:34-37). Apabila Injil Markus dibaca pada zaman Empayar Romawi, di mana ramai orang Kristian menderita kerana iman mereka, kata-kata-Nya pasti memberi kesan yang besar.

APLIKASI UNTUK HARI INI – MARKUS

Kewibawaan Yesus

Markus memersembahkan Yesus sebagai Penyelamat yang berkuasa dengan kewibawaan atas setiap aspek kehidupan. Tidak ada yang lebih besar daripada-Nya, sama ada penyakit, dosa, alam semula jadi atau kematian. Namun Dia tidak pernah menggunakan kewibawaan ini untuk kepentingan diri sendiri (misalnya 14:44-50). Kita juga harus menggunakan kewibawaan Tuhan dengan cara yang sama.



Cabaran Yesus

Markus menunjukkan bahawa mereka yang percaya kepada Yesus harus bersedia untuk menyangkal diri mereka sendiri dan mengikutinya dengan segenap jiwa raga mereka (8:34-35; 12:29-31). Apabila Yesus bertanya kepada murid-murid-Nya tentang pandangan yang berbeza terhadap-Nya (8:27-29), Dia lebih tertarik pada apa yang mereka sendiri percayai, dan bukannya pendapat-pendapat yang mereka kumpulkan dari orang lain. Hanya kekaguman pada Yesus sahaja tidak mencukupi; yang dituntut adalah

mengikuti-Nya dengan kos yang mahal dan sepenuh hati, seperti yang disedari oleh pemuda kaya itu (10:17-31).

Mesej Yesus

Markus memulakan ceritanya dengan menggambarkan sebagai “permulaan Injil tentang Yesus Kristus” (1:1). Perkataan *Injil* bermaksud “berita baik”: berita baik bahawa kerajaan Allah telah datang dan pintunya terbuka untuk semua orang. Sebagai pengikut Yesus, kita juga diminta untuk memusatkan perhatian pada berita baik-Nya ketika kita menyampaikan mesej-Nya kepada orang lain.

Kasih Yesus

Yesus bergaul dengan semua jenis orang, terutama sekali dengan mereka yang dihindari oleh para pemimpin agama dan yang mereka sebutkan sebagai “orang berdosa”, yang bererti orang yang tidak bermoral atau mereka yang tidak mematuhi semua peraturan dan amalan agama mereka. Mereka memandang rendah Yesus kerana ini, tetapi Yesus berkata mereka inilah yang memerlukan-Nya (2:15-17). Pelayanan kita seharusnya menjangkau semua jenis manusia, bukan hanya orang baik atau jenis yang kita sukai.

Penggunaan Kata “Segera” oleh Markus

Markus menulis kisahnya tentang Yesus dalam bahasa yang langsung dan kuat. Dia memasukkan cerita-cerita yang relatif panjang dan pengajaran yang terhad oleh Yesus. Injil ini penuh dengan aksi dan sering menggunakan kata “segera” (“serta-merta”, “lantas”) untuk menghubungkan adegan-adegan. Petunjuk lain bagi pergerakan yang pantas ini adalah hakikat bahawa banyak frasa bermula dengan kata hubung “dan”, walaupun ia biasanya tidak diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris.

Karakter bahasa sehari-hari dan gaya sesuai dengan jenis orang yang menyertai Yesus dalam cerita ini: kebanyakan daripada mereka adalah orang biasa seperti nelayan, para wanita (yang pada zaman itu dilihat lebih rendah daripada kaum lelaki), dan orang terbuang seperti pesakit kusta, pemungut cukai, dan orang berdosa yang lain.

Narator dalam catatan ini adalah orang luar dari peristiwa ini dan tidak pernah muncul

dalam cerita itu sendiri. Pada awalnya dia mengungkapkan siapakah Yesus menurutnya, Kristus (Mesias) dan Anak Allah (1:1,11). Soalan utama dalam kitab ini adalah apakah watak-watak dalam cerita itu akan bersetuju dengan narator itu.

Seperti yang dipersembahkan oleh Markus, kehidupan umum Yesus ditandai dengan konflik dengan keluarga-Nya dan sesama penduduk di Nazaret (3:21,30-35; 6:1-5), para pengikut-Nya (8:14-21), pihak berkuasa Yahudi (misalnya 3:1-6; 8:11-13; 12:1-44) dan kuasa-kuasa kejahatan (1:12-13,21-27; 5:1-13; 9:14-29). Entah bagaimana, mereka semua gagal untuk mengenali atau mengakui Yesus tentang siapakah Dia. Kuasa-kuasa jahat mengenali Yesus sebagai “Yang Suci daripada Allah” (1:24, bandingkan dengan 1:34; 5:7) tetapi nilai pengakuan itu terbatas kerana mereka tidak tunduk kepada-Nya secara sukarela. Namun, itu menunjukkan kepada kita bahawa wawasan yang benar diberikan secara luar biasa.


Cara Yesus

Mesej Yesus bukan hanya diberitakan dengan kata-kata, tetapi didukung dengan demonstrasi yang jelas tentang kasih dan kuasa Allah melalui mukjizat penyembuhan-Nya, dan Dia mengutus murid-murid-Nya untuk melakukan perkara yang sama (3:14-15; 6:6-13). Di akhir Injil Markus yang diperpanjangkan, cabaran ini diulang (16:15-18), dan walaupun bahagian itu tidak ditulis oleh Markus sendiri, ia menunjukkan bahawa perkara seperti itu masih diharapkan di gereja awal dan merupakan satu cabaran bagi kita pada hari ini.


Tindakan Yesus

Markus mempersembahkan Yesus sebagai seorang yang tidak duduk diam memikirkan pelbagai perkara, tetapi bertindak melakukannya. Salah satu kata kegemaran Markus adalah “segera”, yang menghubungkan satu cerita dengan cerita yang lain, dan membuat semuanya bergerak dengan pantas. Tindakan-Nya menarik perhatian orang biasa yang tidak mempunyai masa untuk perdebatan agama yang panjang dari para ahli kitab dan orang Farisi. Seberapa aktifkah kita?

Yerusalem Pada Masa Yesus



Herodes Agung bertanggung-jawab dalam program pembangunan semula yang besar-besaran, mengubah Yerusalem menjadi kota bergaya Romawi yang indah. Bait Suci dibangun semula di kawasan yang lebih luas menghadap ke dua lembah utara-selatan, bersebelahan dengan sebuah kubu Romawi. Beberapa kedudukan tembok tidak dapat dipastikan.



Taman pemakaman di Yerusalem, tempat tradisi pemakaman dan kebangkitan Yesus.

Via Dolorosa, Perjalanan Yesus ke kayu salib.





Lukas

Injil untuk Semua

GAMBARAN KESELURUHAN

Berdasarkan pada Injil Markus tetapi dikembangkan melalui penelitian yang cermat (1:1-4), Injil Lukas adalah satu-satunya Injil yang mempunyai sambungan (Kisah Para Rasul), yang membawa mesej Yesus dari Yerusalem ke Roma, menekankan bahawa ia adalah untuk semua orang di mana sahaja.

RINGKASAN

Lukas menyusun dengan teratur kisah kehidupan Yesus yang membawa kita dalam satu perjalanan:

Dari Syurga ke Betlehem

Dengan latar belakang kedatangan pembuka jalan Mesias (1:5-25, 39-80), Lukas menunjukkan bahawa Yesus bukan manusia biasa tetapi “Anak Allah Yang Maha Tinggi” (1:32), Allah sendiri secara ajaib datang kepada kita (1:26-38). Dilahirkan di kota Daud di Betlehem (2:1-7), Yesus disambut oleh orang biasa (2:8-20) dan diakui oleh orang yang setia secara rohani (2:21-38).

Dari Betlehem ke Galilea

Keluarga itu pulang ke Galilea di mana Yesus dibesarkan (2:39-40). Tanpa memberitahu apa-apa tentang tahun-tahun ini kecuali satu kunjungan ke Yerusalem (2:41-52), Lukas terus melompat ke hadapan bercerita mengenai pelayanan persediaan Yohanes Pembaptis, pembaptisan (3:1-20) dan godaan yang dihadapi Yesus (4:1-13). Kembali ke Nazaret, melalui satu pembacaan dari Yesaya, Yesus mengisytiharkan jenis pelayanan yang Dia mulakan, yang merupakan pembebasan bagi orang tawanan (4:14-21). Tetapi Nazaret menolak-Nya, jadi Dia berpindah ke Kapernaum (4:22-31) di mana Dia mengajar, menyembuhkan, melakukan mukjizat dan melatih murid-murid-Nya (4:31-9:50). Akhirnya Petrus memahami bahawa Yesus adalah Mesias dan sejak saat itulah Yesus mula bercerita kepada murid-murid-Nya tentang kematian yang menanti-Nya dan cabaran-cabaran yang dihadapi mereka (9:18-26).

Dari Galilea ke Yerusalem

Kemudian Yesus memulakan perjalanan yang panjang ke Yerusalem (9:51 dst.), mengajar semua orang yang mahu mendengarkan, tetapi juga menghadapi penentangan yang semakin meningkat (11:14-23, 37-54; 20:1-26). Perjalanan itu memuncak dengan kemenangan masuk ke Yerusalem dan Bait Suci (19:28-44), yang membuatkan para pemimpin agama menjadi lebih bertekad untuk menyingkirkan-Nya (19:47-48). Mereka berjaya dengan memalsukan tuduhan dan menyalibkan-Nya (22:1-23:56). Walaupun ini kelihatan seperti akhir cerita, tetapi tidak: Yesus bangkit kembali dan menampakkan diri kepada murid-murid-Nya (24:1-49).

Dari Yerusalem ke Syurga

Perjalanan itu selesai apabila Yesus kembali ke syurga (24:50-53). Tetapi cerita itu belum berakhir, kerana Lukas melanjutkannya dalam Kisah Para Rasul.

Penulis

Lukas, seorang doktor (Kolose 4:14) dan teman perjalanan Paulus (2 Timotius 4:11) menulis Injil Lukas dan Kisah Para Rasul, kedua-dua kitab ini ditujukan kepada orang yang sama, seorang penaung yang kaya bernama Teofilus (Lukas 1:3; Kisah Para Rasul 1:1).


Tahun Penulisan

Kemungkinan Injil Lukas ditulis selepas Injil Markus, kerana dia memetik sangat banyak bahan daripadanya. Sukar untuk memastikan dengan tepat bila ia ditulis. Ada pendapat yang mengatakan Injil ini ditulis pada 60-an abad pertama Masihi, dan yang lain berpendapat ia ditulis sekitar 80-an. Ini mencadangkan satu tarikh di antara 60 dan 70 Masihi.

Kehidupan dan Pelayanan Yesus

Selain daripada masa-Nya di Mesir ketika masih bayi, Yesus menghabiskan hampir seluruh hidup-Nya di Palestin. Sebagai seorang pengkhotbah yang mengembara, Dia meluangkan tempo masa awal ini di Galilea dan sekitarnya, melakukan perjalanan sekali setahun ke Yerusalem untuk Paskah, dan melakukan pelayanan sepanjang perjalanan. Akhirnya Dia tahu bahawa tiba masanya untuk melakukan perjalanan ke selatan untuk kali terakhir.

- 1 Lahir di Betlehem
- 2 Membesar dan bekerja di Nazaret
- 3 Dibaptis oleh Yohanes Pembaptis di Sungai Yordan
- 4 Godaan di padang gurun
- 5 Mengubah air menjadi air anggur di Kana – mukjizat yang pertama
- 6 Ditolak di tempat asal-Nya
- 7 Di Laut Galilea – memanggil murid-murid-Nya yang pertama
- 8 Diurapi oleh seorang wanita yang berdosa
- 9 Menyembuhkan dan mengajar di sekitar Laut Galilea
- 10 Menenangkan ribut di Laut Galilea
- 11 Dua belas murid diutus
- 12 Mengembara di sekitar daerah Galilea – mengajar, mukjizat penyembuhan
- 13 Pengakuan Petrus bahawa Kristus adalah Tuhan, Yesus meramalkan kematian-Nya
- 14 Yesus dipermuliakan
- 15 72 murid diutus
- 16 Membangkitkan Lazarus dari kematian
- 17 Melakukan perjalanan terakhir ke Yerusalem
- 18 Membawa murid-murid menyendiri untuk menjelaskan sekali lagi bahawa Dia akan menggenapi nubuatan Perjanjian Lama
- 19 Di Yerikho – menyembuhkan orang buta, bertemu Zakheus
- 20 Memasuki Yerusalem, diisytiharkan sebagai raja
- 21 Peristiwa minggu terakhir Yesus diungkapkan
- 22 Selepas kebangkitan-Nya, Dia menampakkan diri kepada para pengikut-Nya di Yerusalem dan di Tasik Galilea
- 23 Diangkat ke syurga dari Bukit Zaitun



Minggu Terakhir Yesus

1 AHAD

Yesus masuk ke kota melalui Pintu Gerbang Emas, dengan menaiki seekor keldai. Disambut oleh orang ramai sebagai Mesias

Matius 21:1-11
Markus 11:1-11
Lukas 19:28-44
Yohanes 12:12-19

2 ISNIN

Yesus mengusir para pengurup wang dan penjual dari halaman Bait Suci

Matius 21:12-17
Markus 11:12-19
Lukas 19:45-48

3 SELASA

Mengajar di Bait Suci. Di Betania seorang wanita mengurapi-Nya "membuat persiapan untuk pegebumian". Yudas bersetuju untuk menyerahkan Yesus kepada para imam

Matius 26:6-16
Lukas 22:1-6
Yohanes 12:1-8

4 RABU

Hari yang tenang bersama dengan sahabat-sahabat di Betania

5 KHAMIS

Makan malam terakhir: Yesus berkongsi jamuan paskah yang terakhir bersama murid-murid-Nya

Matius 26:17-30
Markus 14:12-26
Lukas 22:7-38

Yesus bergumul dalam doa untuk menerima penderitaan yang akan dihadapi-Nya

Matius 26:36-46
Markus 14:32-46
Lukas 22:39-46

Dikhianati oleh Yudas, ditangkap oleh tentera

Matius 26:47-56
Markus 14:43-52
Lukas 22:47-53
Yohanes 18:1-4

Hari-hari terakhir Yesus dihabiskan di Yerusalem dalam minggu Paskah. Dia melakukan perjalanan ke Yerusalem, mengetahui bahawa Dia akan mati di sana.

Lembah Hinom: tempat pembuangan sampah di Kota Yerusalem

? Ruang atas (secara tradisi: tidak dapat dipastikan)

5

6

Rumah Kaifas

Istana Herodes

3

2

Kolam Siloam

4

Ke Betania

6
JUMAAT

Petrus menyangkal mengenali Yesus

Matius 26:69-75
Markus 14:66-72
Lukas 22:54-62
Yohanes 18:15-18, 25-27

Yesus dibicarakan di Majelis Agama, dituduh melafazkan kekufuran

Matius 26:57-58
Markus 14:53-65
Lukas 22:63-71
Yohanes 18:19-24

Dibawa kepada Pilatus, Gabenor Romawi, dibicarakan dan dijatuhkan hukuman mati

Matius 27:11-26
Markus 15:1-15
Lukas 23:1-25
Yohanes 18:28-19:16

Yesus disiksa, dibawa ke Golgota, disalibkan dan mati

Matius 27:27-56
Markus 15:16-41
Lukas 23:26-49
Yohanes 19:17-37

Jenazah Yesus dimakamkan dan dikuburkan dalam sebuah makam yang baru

Matius 27:57-66
Markus 15:42-47
Lukas 23:50-56
Yohanes 19:38-42


7
SABTU

Hari Sabat – hari istirehat orang Yahudi

8
AHAD

Kristus yang telah bangkit dilihat oleh Maria Magdalena, kemudian oleh murid-murid-Nya

Matius 28:1-20
Markus 16:1-18
Lukas 24:1-49
Yohanes 20:1-23



Taman Pemakaman

8

Golgota

6

Bait Suci

Menara Antonia

6

Pintu Gerbang Emas

1

Kolum Betesda

5

Bukit Zaitun

Taman Getsemani

Lembah Kidron

GARIS BESAR – LUKAS

Dari Surga ke Betlehem

1:1-4	Pengenalan Lukas untuk karyanya
1:5-25	Mesej Allah kepada Zakharia tentang kelahiran Yohanes Pembaptis
1:26-56	Mesej Allah kepada Maria tentang kelahiran Yesus dan nyanyian pujian Maria
1:57-80	Kelahiran Yohanes Pembaptis dan nyanyian Zakharia
2:1-20	Kelahiran Yesus dan pujian para gembala
2:21-38	Simeon dan Hana bertemu dengan Yesus di Bait Suci

Dari Betlehem ke Galilea (dan Pelayanan Yesus di Galilea)

2:39-40	Keluarga Yesus kembali ke Galilea
2:41-52	Yesus mengunjungi Bait Suci dan mengejutkan para pemimpin agama
3:1-20	Pelayanan persediaan Yohanes Pembaptis
3:21-22	Yesus dibaptis oleh Yohanes dan diperkenankan oleh Allah
3:23-28	Salasilah Yesus dari Adam, anak Allah
4:1-13	Yesus mengatasi godaan Iblis di padang gurun
4:14-30	Mesej dan penolakan Yesus di Nazaret
4:31-44	Pelayanan penyembuhan dan khotbah Yesus

5:1-16	Yesus memanggil murid-murid-Nya yang pertama dan meneruskan pelayanan-Nya
5:17-6:11	Pertikaian Yesus dengan para pemimpin Yahudi
6:12-49	Yesus memilih dua belas murid dan memberi perintah kepada mereka
7:1-8:56	Beberapa mukjizat dan perumpamaan Yesus
9:1-9	Yesus mengutus dua belas murid-Nya untuk mengumumkan kedatangan kerajaan Allah
9:10-17	Mukjizat memberi makan 5,000 orang
9:18-27	Pengakuan Petrus bahwa Yesus adalah Mesias, dan Yesus meramalkan penderitaan dan kematian-Nya
9:28-36	Yesus dipermuliakan
9:37-43	Yesus menyembuhkan seorang budak lelaki yang dirasuk oleh roh jahat
9:44-50	Yesus mengajar murid-murid-Nya tentang kematian-Nya yang akan datang, dan tentang kebesaran di kerajaan Allah

Dari Galilea ke Yerusalem

9:51-62	Yesus memulakan perjalanan-Nya ke Yerusalem; mengikuti-Nya adalah mahal
10:1-24	Yesus mengutus 72 murid untuk mengumumkan kedatangan kerajaan Allah



10:25-37	Perumpamaan tentang orang Samaria yang baik	19:11-27	Perumpamaan tentang menunggu dan bekerja untuk kerajaan Allah
10:38-42	Yesus melawat Maria dan Marta di Betania	19:28-44	Kemasukan kemenangan Yesus di Yerusalem dan meratapi kota itu
11:1-13:35	Perumpamaan dan pengajaran dalam perjalanan ke Yerusalem	19:45-48	Yesus mengusir para pedagang dari Bait Suci
14:1-24	Yesus menyembuhkan pada hari Sabat dan mengajar di rumah orang Farisi	20:1-47	Pertikaian Yesus dengan para pemimpin Yahudi
14:25-35	Pengorbanan untuk mengikut Yesus	21:1-4	Yesus memuji seorang balu untuk persembahannya di Bait Suci
15:1-31	Perumpamaan tentang sukacita Allah apabila “yang hilang” ditemukan	21:5-38	Ajaran Yesus mengenai akhir zaman
16:1-31	Perumpamaan tentang bahaya kekayaan	22:1-6	Yudas bersetuju untuk mengkhianati Yesus
17:1-10	Pengajaran mengenai iman dan pelayanan dalam kerajaan Allah	22:7-38	Yesus merayakan Paskah bersama murid-murid-Nya dan meramal penyangkalan Petrus
17:11-19	Yesus menyembuhkan sepuluh orang pesakit kusta	22:39-53	Doa Yesus dan pengkhianatan di Bukit Zaitun
17:20-37	Pengajaran mengenai kedatangan kerajaan Allah	22:54-62	Petrus menyangkal Yesus
18:1-14	Perumpamaan Yesus tentang doa	22:63-23:25	Yesus diadili dan dihukum mati, sementara Barnabas dibebaskan
18:15-17	Yesus menyambut kanak-kanak dan memberkati mereka	23:26-56	Penyaliban dan pemakaman Yesus
18:18-30	Pengajaran mengenai pemuridan dan kekayaan		
18:31-34	Yesus memberitahu murid-murid-Nya tentang penderitaan dan kematian-Nya	Dari Yerusalem ke Syurga	
18:35-43	Yesus menyembuhkan orang buta	24:1-12	Makam yang kosong ditemui
19:1-10	Zakheus bertemu Yesus dan diubah	24:13-35	Yesus yang bangkit bertemu dengan dua orang murid dalam perjalanan ke Emaus
		24:36-49	Yesus bertemu murid-murid-Nya dan menugaskan mereka
		24:50-53	Kenaikan Yesus ke syurga



Satu Injil Kebenaran

Lukas memberitahu kita bahawa dia “mengkaji” fakta-fakta dengan teliti supaya pembaca dapat mengetahui “dengan pastinya perkara-perkara yang telah diajarkan kepada tuan” (1:1-4). Di mana sahaja kita dapat memeriksa perinciannya (sejarah, politik, sosial atau geografi), maklumat tersebut selalu luar biasa tepat, yang memberi kita keyakinan untuk mempercayai keseluruhan ceritanya. Secara khusus, Lukas menekankan penjelmaan dan kebangkitan dalam Injilnya, yang menginginkan kita mengetahui kebenaran tentang kedua-dua peristiwa ini sebagai satu asas yang teguh bagi iman kita.

Satu Injil Penyertaan

Dari awal hingga akhir, Lukas menunjukkan bahawa mesej Yesus adalah untuk semua orang. Pada awal Injilnya, dia menelusuri salasilah Yesus, bukan kepada Abraham seperti dalam Matius, tetapi kepada Adam (3:23-28), menunjukkan bahawa Dia telah datang untuk seluruh umat manusia. Orang Yahudi sukar memahami ini; jadi sementara Nazaret bergembira dengan tuntutan Yesus bahawa Dia telah datang untuk membawa kebebasan yang dijanjikan Allah (4:14-22), mereka dengan cepat berbalik melawan-Nya ketika Dia mengatakan ini termasuk orang bukan Yahudi (4:24-30).

Dalam salah satu perumpamaan-Nya (10:29-37) Yesus dengan berani mengatakan bahawa mungkin ada orang Samaria yang baik (orang yang dibenci oleh orang Yahudi). Namun, Lukas juga turut melibatkan orang yang kaya dan berpengaruh, seperti Yohana dalam 8:3. Di akhir Injil ini, Yesus masih menekankan bahawa mesej-Nya adalah untuk “semua bangsa” (24:47).

Satu Injil Belas Kasihan

Latar belakang Lukas sebagai seorang doktor tercermin dalam catatannya tentang banyak mukjizat penyembuhan Yesus dan belas kasihannya kepada mereka yang memerlukan, yang tercermin misalnya dalam kata-kata lembut-Nya kepada orang yang berpenyakit kusta (5:12-13). Lukas mempunyai satu penekanan yang kuat pada Yesus untuk menjangkau semua orang, terutama sekali mereka yang dipinggirkan oleh masyarakat: orang miskin (16:19-31; 21:1-4), orang terbuang (17:11-19; 18:9-14), kaum perempuan (7:36-50; 10:38-42) dan kanak-kanak (9:46-48; 18:15-17). Bahkan orang Farisi juga tidak dikesualikan oleh-Nya, walaupun ramai dari mereka yang meminggirkan-Nya, dan Dia sering makan bersama mereka (7:36-50; 11:37-54; 14:1-24).

Satu Injil Roh

Terdapat satu penekanan yang kuat dalam Injil Lukas (dan dalam Kisah Para Rasul) tentang pekerjaan Roh Kudus. Roh itu aktif, selepas hening selama berabad-abad, bahkan sebelum kelahiran Yesus (1:15,17,35,41,67; 2:25-27); tetapi setelah dipenuhi dengan Roh Allah pada pembaptisan-Nya (3:21-23), Yesus dapat memulakan pelayanan yang diurapi oleh Roh seperti yang telah dinubuatkan oleh Yesaya (4:18-19). Yesus ditandai sebagai manusia Roh (10:21) yang mengatakan Allah ingin menunjukkan kemurahan dan kebaikan-Nya yang luar biasa dan memberikan Roh yang sama kepada semua anak-anak-Nya (11:13).

Satu Injil Yang Inklusif

Lukas menulis sebuah Injil yang inklusif – termasuklah lelaki dan perempuan, kaya dan miskin, orang Yahudi dan bukan Yahudi.

Injil untuk yang Ingin Tahu

Di era di mana kita terperangkap di antara skeptisisme dan perasaan ingin tahu, penyelidikan serius yang dilakukan oleh Lukas adalah alat yang paling berkuasa untuk memperkenalkan orang yang ingin tahu kepada Yesus. Lukas memuatkan banyak perumpamaan yang terkenal seperti anak lelaki yang hilang (15:11-32). Kisah-kisah yang nampaknya sederhana ini mengandungi kebenaran yang mendalam tentang Yesus, Allah dan umat manusia.

Injil untuk yang Berwaspada

Pada hari ini ramai yang percaya bahawa Kekristianan tidak mempunyai banyak ruang untuk mereka yang tidak serasi. Injil Lukas, yang



Kanak-kanak Nepal, di pergunungan Himalaya.

dipenuhi dengan pemungut cukai yang menerima rasuah, orang berpenyakit kusta yang ragu-ragu, para murid yang tidak mempunyai kepastian dan kaum perempuan yang berfikiran tegas menyediakan bahan bacaan yang sesuai untuk mereka. Halaman-halamannya tidak akan mematahkan semangat mereka, tetapi sebaliknya, ia mengundang mereka untuk mencari tahu dengan lebih lagi. Bukan hanya itu, ada kitab lain untuk diikuti dengan kisah tentang penyertaan gereja awal: lihat Kisah Para Rasul.

Injil untuk Kanak-kanak

Pada zaman dahulu, kanak-kanak kurang dihargai. Orang Yunani dan Romawi mengawal saiz keluarga mereka dengan meninggalkan anak-anak. Dari semua penginjil, Lukas memberikan perhatian yang paling banyak kepada kanak-kanak (1:41, 44; 2:40-52; 9:46-48; 15:11-32; 18:15-17); 9:47 mencadangkan bahawa sentiasa ada kanak-kanak di mana sahaja Yesus berada.

Injil untuk yang Berfikiran Kritikal

Kejujuran Lukas membuatnya menarik bagi yang skeptikal dan kritikal. Gambarnya tentang Yesus menonjol dengan latar belakang agama yang lusuh dan dangkal. Dia menunjukkan bagaimana iman kita harus mempengaruhi pengendalian wang dan harta benda kita. Seperti watak-watak dalam beberapa perumpamaan, kita semua adalah pengurus, hamba yang menjaga harta tuan kita (12:42; 16:1,3,8).

Injil yang Komprehensif

Tidak ada satu pun perihal Yesus yang menonjol dalam Injil ini. Lukas menekankan kemanusiaan Yesus (misalnya Dia sering berdoa) tetapi juga menggambarkan Dia sebagai Anak Allah (1:32,35; 4:41; 10:22). Yesus adalah penyelamat, kata yang digunakan untuk raja-raja, tuhan-tuhan, doktor-doktor dan ahli falsafah. Dia adalah raja dalam keturunan Daud (1-2), seorang nabi tetapi juga hamba yang menderita seperti dalam Yesaya 53.

Kesungguhan untuk Bertumbuh


Yesus adalah manusia sempurna yang “semakin membesar dan bijaksana ... diredai Allah dan manusia” (2:52) – iaitu, secara intelektual, rohani dan sosial. Allah mahu kita bertumbuh dalam setiap dimensi ini juga dan tidak menjadi tidak seimbang, seperti orang Farisi.

Kesungguhan untuk Roh

Jika Yesus memerlukan Roh Allah untuk hidup dan melayani, apatah lagi kita. Yesus berkata bahawa Allah adalah Bapa yang baik yang memberikan Roh kepada mereka yang meminta daripada-Nya (11:13) untuk membantu mereka dalam keperluan mereka (12:11-12). Kekufuran terhadap Roh – iaitu menentang pekerjaan-Nya – adalah berbahaya (12:10).

Kesungguhan untuk Berdoa

Doa mempunyai tempat yang utama dalam kehidupan Yesus, terutama pada saat-saat yang penting (3:21; 5:16; 6:12; 9:28-29; 11:1; 22:39-46). Dia mengajar para murid-Nya untuk berdoa (11:1-4) dan menggariskan pentingnya tidak berputus asa dalam doa (11:5-13; 18:1-5). Kita memerlukan semangat yang sama pada hari ini, mengetahui bahawa kita tidak dapat melakukan apa-apa tanpa pertolongan Bapa kita.



*“Jangan takut! Aku membawa kepadamu berita baik yang akan memberikan sukacita besar kepada seluruh umat.”
(Lukas 2:10)*

Kesungguhan untuk yang Hilang

Sementara orang Farisi suka menghabiskan masa dengan “yang ditemukan”, Yesus “datang untuk mencari dan menyelamatkan orang yang hilang” (19:10), kerana menemukan yang hilang membawa sukacita yang besar, seperti perumpamaan tentang domba yang hilang, wang yang hilang dan anak lelaki yang hilang (15:1-32). Yesus memanggil kita, bukan untuk menghabiskan seluruh waktu kita dengan “yang ditemukan”, tetapi untuk pergi dan mencari “yang hilang”, sama seperti Dia mengutus murid-murid-Nya untuk melakukannya (9:1-6; 10:1-2).

Kesungguhan untuk yang Tidak Dikasihi

Yesus mencontohkan pentingnya mengasihi yang tidak dikasihi, menjangkau orang yang dihindari oleh orang Farisi – orang berdosa, pemungut cukai, pelacur – dan menyuruh para pengikut-Nya untuk melakukan perkara yang sama (14:12-14). Kasih Allah adalah untuk semua orang, dan demikian jugalah kita. Jika kita mendapati diri kita hanya meluangkan masa dengan orang yang “baik”, kita sebenarnya tidak jujur dengan panggilan Yesus.

Kesungguhan untuk Belajar

Lukas menulis Injilnya supaya Teofilus, dan yang lain, “tahu dengan pastinya perkara-perkara yang telah diajarkan” (1:4). Sekadar percaya kepada Yesus tidak cukup; kita memerlukan asas yang teguh tentang kebenaran-Nya dalam hidup kita, membiarkannya mencabar dan mengubah kita (6:46-49). Lukas secara spesifik menarik perhatian pada bahagian upacara keagamaan (5:33-6:5; 11:37-53) dan wang (12:13-34; 16:19-31; 18:18-30), yang kedua-duanya sangat penting untuk orang Farisi, sebagai bahagian perubahan penting bagi pengikut-pengikut Yesus.

Doa-doa Yesus Kristus

Amalan Yesus

“Doa Bapa Kami”

Matius 6:9-13;
Lukas 11:1-4

Berdoa kepada Bapa-Nya

Matius 6:9;
Markus 14:36; 11:25-26; 14:19;
Lukas 23:46; 24:30;
Yohanes 11:41-42; 12:27-28;
17:1-26

Berdoa seorang diri

Matius 14:23;
Markus 1:35;
Lukas 5:1; 9:18

Berdoa untuk orang lain

Lukas 22:32;
Yohanes 17:6-26
Roma 8:34;
Ibrani 7:25

Berdoa bagi kanak-kanak

Matius 19:13

Berdoa untuk orang yang menganiaya-Nya

Lukas 23:34

Doa kesyukuran

Matius 11:25-26; 14:19; 26:26-27;
Yohanes 11:41

Berdoa Sewaktu atau Sebelum Peristiwa-peristiwa Utama

Berdoa pada pembaptisan-Nya
Lukas 3:21-22

Berdoa sebelum memilih para rasul
Lukas 6:12-13

Berdoa sebelum Dia dipermuliakan
Lukas 9:28-29

Berdoa di Getsemani
Matius 26:36-46;
Ibrani 5:7

Tujuh Ucapan dari Salib

Kira-kira jam kesembilan, Yesus berseru dengan suara yang lantang, “*Eli, Eli, lama sabakh-tani?*” maksudnya “Ya Allah-Ku, ya Allah-Ku, mengapa Engkau tinggalkan Aku?”
Matius 27:46

Yesus berkata, “Ya Bapa, ampunilah mereka kerana mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka.”
Lukas 23:34

Yesus menjawab [kepada penjahat di atas kayu salib], “*Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, pada hari ini juga engkau akan bersama-Ku dalam Firdaus.*”
Lukas 23:43

Yesus berseru dengan kuat, “Ya Bapa, Aku menyerahkan roh-Ku ke dalam tangan-Mu!”
Lukas 23:46

Apabila Yesus melihat ibu-Nya dan murid-Nya yang dikasihi berdiri di situ, Dia pun berkata kepada ibu-Nya, “Lihat, itulah anakmu.” Kepada murid-Nya Dia berkata, “Lihatlah ibumu.”
Yohanes 19:26-27

Selepas itu, Yesus mengetahui bahawa segala-galanya telah berlaku sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci, lalu berkata, “*Aku dahaga.*”
Yohanes 19:28

Setelah Yesus menerima air anggur masam itu, Dia berkata, “*Sudah selesai.*” Kemudian Dia menundukkan kepala lalu menyerahkan roh-Nya.
Yohanes 19:30

Wahyu

Kemenangan Kristus

GAMBARAN KESELURUHAN

Adakah Allah mampu mengalahkan kejahatan? Kitab Wahyu menjawab “ya”, dengan memberikan para pembacanya pandangan tentang apa yang sedang berlaku di sebalik tabir sejarah dunia: Kristus yang bangkit berada di atas takhta dan sedang bekerja untuk membawa kerajaan-Nya yang mulia ke bumi.

RINGKASAN

Kitab Wahyu bermula dengan pengisytiharan tentang kebesaran Allah (1:4-8) dan satu keterangan mengenai penglihatan yang diterima oleh penulis, rasul Yohanes (1:1-3,9-18). Kristus yang telah bangkit memerintahkan Yohanes untuk menuliskan penglihatan itu, dan menghantar surat kepada tujuh gereja, dengan memberikan mesej amaran dan galakan yang spesifik (1:19-3:22).

Seterusnya Yohanes diberi satu gambaran mengenai penyembahan di syurga (4:1-11). Di pusat penyembahan ini adalah Kristus Anak Domba (5:6), yang dipuji kerana kematian-Nya sebagai korban telah memberi kuasa kepada-Nya untuk membuka gulungan naskah yang mengandungi tujuan Allah untuk masa hadapan (5:1-5,7-14). Apabila materai gulungan itu dibuka, peristiwa-peristiwa yang dahsyat berlaku sebagai amaran akan penghakiman Allah yang akan datang (6:1-17). Bagaimanapun, umat Allah akan ditandai untuk menjaga mereka melalui kedahsyatan ini (7:1-8; 9:4) sehingga mereka akan memuji Allah (7:9-17). Apabila materai yang terakhir dipecahkan (8:1), satu lagi rangkaian peristiwa mengerikan berlaku ketika tujuh malaikat meniup tujuh sangkakala (8:2-11:19).

Penglihatan Yohanes diteruskan dengan satu adegan konflik antara umat Allah dan Iblis (12:1-18). Yohanes melihat dua binatang yang mewakili kuasa kejahatan Iblis (13:1-18), sementara umat Allah dijaga dengan selamat (14:1-5). Tiga malaikat (14:6-11) membawa mesej Allah tentang penghakiman (14:14-20). Tujuh wabak terakhir dibawa oleh tujuh

malaikat lagi (15:1-16:21), sebelum kerajaan Iblis, yang disebut sebagai Babel, dibawa kepada penghakiman (17:1-18:24). Ini membawa kepada nyanyian segala puji bagi Allah di syurga (19:1-10) sebelum satu peperangan terakhir yang besar di antara syurga dan Iblis (19:11-21). Akhirnya, orang benar dan orang jahat akan menerima penghakiman mereka (20:1-15). Dalam adegan yang terakhir, Yohanes melihat kemuliaan langit baru dan bumi baru (21:1-22:5). Kitab Wahyu berakhir dengan satu dorongan untuk bersiap sedia bagi kedatangan Yesus (22:7-21).

Penulis

Penulis menyebut dirinya Yohanes (1:1; 22:8) dan berada dalam pembuangan di pulau Patmos (1:9). Ramai yang percaya dia adalah rasul Yohanes, penulis Injil dan tiga surat, walaupun dalam tulisan-tulisan ini namanya tidak disebutkan.

Tahun Penulisan

Kebanyakan sarjana berpendapat bahawa kitab ini ditulis sekitar 95 M, semasa penganiayaan kaisar Romawi Domitia terhadap orang Kristian. Yang lain berpendapat pada 69 M, sejurus selepas pemerintahan Nero.

Latar Belakang

Kitab Wahyu ditulis kepada tujuh gereja di Asia Kecil (sekarang Turki barat, 1:4). Ada yang menderita penganiayaan kerana iman mereka dalam Yesus Kristus (misalnya 2:3,10,13), yang lain berhadapan dengan ajaran sesat (misalnya 2:2,14-15,20-25), yang lain hanya suam-suam kuku dalam Kekristianan (misalnya 3:1-3, 15-18).

GARIS BESAR – WAHYU

Pengenalan

1:1-3	Pengenalan kepada wahyu Yohanes	7:9-17	Pujian orang banyak di syurga
1:4-8	Salam Yohanes kepada tujuh gereja	8:1	Materai ketujuh dibuka dan syurga menjadi senyap sunyi
1:9-20	Penglihatan Yohanes tentang Kristus yang telah bangkit	8:2-11:19	Tujuh sangkakala mengumumkan penghakiman Allah

Surat dari Kristus Kepada Tujuh Gereja di Asia

2:1-7	Mesej kepada gereja di Efesus	12:1-17	Konflik antara Iblis dan umat Allah
2:8-11	Mesej kepada gereja di Smirna	13:1-18	Kata-kata kufur dan penipuan dua binatang
2:12-17	Mesej kepada gereja di Pergamus	14:1-5	Nyanyian dan kesucian 144,000
2:18-29	Mesej kepada gereja di Tiatira	14:6-20	Mesej penghakiman Allah kepada bumi
3:1-6	Mesej kepada gereja di Sardis	15:1-16:21	Tujuh malaikat membawa tujuh wabak dalam tujuh mangkuk
3:7-13	Mesej kepada gereja di Filadelfia	17:1-18:24	Penghakiman Babel yang jahat
3:14-22	Mesej kepada gereja di Laodikia		

Penglihatan Yohanes Tentang

Penyembahan di Syurga

4:1-11	Seluruh syurga menyembah di sekitar takhta Allah
5:1-14	Gulungan naskhah tujuan Allah dan penyembahan Anak Domba

Kedatangan Penghakiman Allah

6:1-17	Pembukaan enam materai yang pertama dan amaran tentang penghakiman
7:1-8	Umat Allah ditandai dengan materai Allah sendiri

Kemenangan Kristus

19:1-10	Seruan pujian dari syurga
19:11-21	Kedatangan Kristus dan peperangan besar
20:1-15	Kekalahan mutlak Iblis dan penghakiman orang benar dan fasik
21:1-22:5	Kemuliaan ciptaan baru
22:6-21	Kesimpulan dan dorongan untuk bersiap sedia bagi kedatangan Kristus

Kemenangan dan Kedaulatan Anak Domba


Kristus adalah Peribadi yang telah memastikan kemenangan Allah ke atas kuasa-kuasa Iblis dan kini duduk di atas takhta bersama Allah (5:13; 11:15). Dalam adegan pertama penglihatan Yohanes, Dia muncul sebagai Peribadi yang menakjubkan (1:10-16) yang mempunyai kuasa ke atas kematian dan alam maut (1:18). Kemudian, Dia muncul sebagai Anak Domba di tengah-tengah takhta Allah, yang mampu membuka materai gulungan yang berisi tujuan Allah bagi dunia (5:5-10). Kemudian Dia adalah pahlawan yang gagah, yang memimpin tentera Allah menuju kemenangan (19:11-20). Sumber kuasa dan kewibawaan Kristus adalah kematian-Nya sebagai korban dan kebangkitan-Nya (1:5,18; 5:9-10,12).

Rancangan Iblis

Yohanes menunjukkan kepada para pembacanya bahawa kejahatan yang mereka sedang hadapi bukan sekadar manusia, tetapi roh-roh jahat. Kejahatan di dunia adalah satu serangan terhadap Allah dan umat-Nya oleh Iblis. Iblis adalah sumber ajaran palsu dan penganiayaan yang mengancam kehidupan gereja (2:9,13,24; 3:9) dan bertanggungjawab untuk menipu bangsa-bangsa (20:3,7-10). Dia dilambangkan sebagai naga (12:3-9; 20:2) yang ingin menggagalkan tujuan Allah dengan menyesatkan manusia (12:9). Konkonconya digambarkan dengan cara yang menakutkan: binatang yang mengerikan (13:1-18), satu pasukan tentera yang besar (20:8-9), dan kota yang mabuk dengan darah saksi Yesus dan orang Kristian yang salih (17:3-6).

Surat-Surat Kepada Tujuh Gereja

Surat-surat yang ditulis kepada tujuh gereja dalam kitab Wahyu muncul dalam urutan bagaimana seorang utusan yang mengembara dari pulau Patmos akan menyerahkannya.



Penghakiman Allah

Kebanyakan imej dalam Wahyu menunjuk pada penghakiman Allah terhadap rancangan jahat Iblis. Di bahagian utama penglihatan Yohanes, satu rangkaian malapetaka yang dahsyat berlaku ketika tujuh materai pada gulungan naskah Allah dibuka (6:1-8:1), tujuh malaikat meniup tujuh sangkakala (8:6-11:19), dan tujuh mangkuk kemurkaan Allah dicurahkan sebagai wabak di bumi (15:1-16:21). Semua peristiwa ini muncul sebagai amaran tentang penghakiman Allah yang muhtamad, yang berlaku dengan ketujuh dari setiap rangkaian (8:1-5; 11:15-19; 16:17-21). Namun, Yohanes secara jelas menambahkan bahawa umat manusia tidak bertaubat dari dosa-dosa mereka (9:20; 16:9,11). Dalam penghakiman yang terakhir, Iblis ditangkap dan dihumban ke lautan api (19:20; 20:10). Semua yang telah mengikutinya juga dimusnahkan (14:6-11, 19-20; 19:21; 20:11-15). Kemusnahan yang kekal ini disebut sebagai kematian kedua (2:11; 20:6), tetapi juga dilihat sebagai lautan api (14:10;

19:20; 20:10,14). Setelah dihancurkan, Iblis dan konco-konconya tidak lagi dapat mengancam kerajaan Allah.

Upah Kesetiaan

Kitab Wahyu memberikan gambaran tentang ganjaran yang akan Allah berikan kepada umat-Nya yang setia:

- Penyelamatan daripada pancaroba yang dahsyat (3:10; 7:14)
- Kehidupan yang kekal bersama Allah dalam ciptaan baru-Nya (misalnya 2:7,10; 7:15-17; 21:1-22:5)
- Jubah yang bersih, melambangkan kesucian (3:5; 7:14)
- Kewibawaan dalam kerajaan Allah (2:26-27; 3:21; 20:4).

Gereja Allah yang setia dilihat sebagai pengantin Kristus (19:7-9; 21:9) yang akan hidup bersama selama-lamanya di dunia baru Allah, di mana langit dan bumi disatukan (21:1-3)!

Seorang utusan dari Yohanes yang dalam pengasingan di Patmos akan menyeberang ke Efesus dan kemudian mengambil jalan memutar. Tujuh gereja tersebut disenaraikan mengikut urutan yang akan dikunjungi.



Efesus

Kota terkemuka di wilayah Romawi di Asia. Paulus tinggal di sana mengajar selama 2 tahun dalam perjalanan misinya yang ketiga. Suratnya kepada jemaat di Efesus ditujukan terutama kepada gereja di sana. Menurut tradisi, Yohanes menghabiskan hari-hari terakhirnya di sana. Reruntuhan yang luas telah digali di sana.



Smirna

Izmir moden, bandar utama dan pelabuhan di pantai barat Turki. Tinggalan paling penting dari zaman Romawi ialah Forum, yang digambarkan di sini. Di Smirna sekitar 155 M inilah uskup tua Polycarp menolak untuk menyangkal nama Kristus dan mati syahid.

APLIKASI UNTUK HARI INI – WAHYU

Wahyu penuh dengan simbolisme yang kaya dan imej-imej yang aneh. Ramai orang telah mencuba untuk menggunakan kitab ini untuk membuat garis waktu untuk masa hadapan dunia ini. Namun, penglihatan Yohanes tidak mengikut urutan kronologi, dan kebanyakan imej ini hanyalah cara yang berbeza untuk berbicara mengenai realiti yang sama. Tujuan Wahyu bukanlah untuk memberikan jadual bagi rancangan Allah, tetapi untuk mendorong orang Kristian yang sedang mengalami kesukaran dan penganiayaan.

Kuasa Allah

Mesej utama kitab Wahyu adalah kepastian kuasa Allah untuk mengalahkan kuasa-kuasa kejahatan dan mewujudkan ciptaan baru-Nya. Para pembaca Yohanes sedang menghadapi waktu yang sukar, dan mereka mungkin mula tertanya-tanya jika Allah benar-benar mampu

menyelamatkan mereka. Wahyu menunjukkan bahawa dengan kematian dan kebangkitan-Nya, Yesus Kristus mempunyai kuasa dan kewibawaan atas semua kuasa lain di dunia (lihat 1:5,17-18; 3:21; 5:9; 19:13). Walaupun Iblis kelihatan sangat berkuasa, tetapi ia sudah dikalahkan oleh Yesus, dan akan segera dimusnahkan sepenuhnya. Pada masa-masa yang sukar dan membingungkan, sangat penting untuk diingat bahawa takhta alam semesta diduduki oleh Allah dan Anak Domba, Yesus Kristus (4:1-5; 6; 11:15).

Kesabaran Kristian

Sehingga kuasa Allah akhirnya dinyatakan, orang Kristian harus bersabar. Dalam surat-surat kepada gereja-gereja, Yesus mendorong umat-Nya untuk terus setia kepada-Nya dan bertahan dalam pencubaan (2:3,10,25-26; 3:2-3). Orang Kristian harus bertahan dengan penuh kesabaran dalam bencana dan penghakiman yang ditimpa-



Pegamus

Runtuhan kota kuno terletak di dataran tinggi di atas bandar Bergama moden. 'Tempat takhta Iblis' mungkin merujuk kepada Altar besar Zeus yang menghadap ke kota. Pergamus juga merupakan pangkalan rasmi kultus pemujaan kaisar, dan pusat penyembuhan yang terkait dengan Kuil Asclepius.



Tiatira

Sebuah pusat perdagangan di jalan timur, sekarang kota kecil Akhisar. Kota ini terkenal dengan pewarna ungunya. Lidia, yang berniaga bahan celup dan yang ditemui Paulus di Filipi (KPR 16:14) berasal dari Tiatira. Seorang wanita yang berperanan memimpin ahli gereja menjauh dari iman mereka dan maksiat; pengaruh jahatnya memjadikannya mendapatkan gelaran Izebel dalam surat itu.



kan ke atas dunia (13:10; 14:12), supaya mereka akan menjadi sebahagian daripada kumpulan besar orang yang menyembah di sekeliling takhta Allah (7:9-17; 14:1-5; 15:2-4). Kita diingatkan bahawa Kristus akan segera membawa kerajaan-Nya, jadi kita harus sentiasa bersiap sedia (22:7-20). Apabila penganiayaan, kesukaran atau kebingungan menimpa kita, kita harus ingat bahawa Allah telah berjanji untuk membawa kita ke dalam kerajaan-Nya yang mulia, jika kita terus bertahan dengan penuh kesabaran.

Pujian Abadi

Kitab Wahyu diselengi dengan banyak sorakan pujian. Pujian diberikan kepada Allah oleh para malaikat, makhluk dan tua-tua di syurga (3:8-11; 5:9-12,14; 7:11-17; 11:15-18; 16:5-7; 19:1-8), kumpulan besar orang Kristian yang setia (7:9-10; 14:1-3; 15:2-4) dan bahkan seluruh ciptaan (5:13). Allah dipuji kerana sifat-Nya

yang mulia (4:8,11; 7:12). Dan Anak Domba disembah untuk penyelamatan yang telah Dia capai (5:9-10, 12; 7:15-17). Sorakan pujian yang besar ini adalah pengisytiharan tentang siapakah Allah itu (16:5-7) dan apa yang telah dilakukan-Nya (11:15,17-18; 19:1-8), dan dipenuhi dengan sukacita, kasih dan kesyukuran. Sebagai orang Kristian, kita bergabung dalam simfoni pujian yang luar biasa ini kepada Allah kita yang agung!

“Kami bersyukur kepada-Mu, Ya Tuhan, Allah Maha Kuasa; yang ada sekarang, yang ada dahulu dan yang akan datang. Kerana Engkau telah melaksanakan kuasa-Mu yang besar lalu memerintah.”
(Wahyu 11:17)

Sardis

Ibu kota kerajaan kuno Lydia. Raja Sardis, Croesus, memiliki kekayaan legenda. Orang Yunani kemudiana menjajah wilayah ini. Tiang-tiang besar kuil Yunani masih tersisa di sana. Gimnasium juga telah dibina semula; dan ahli arkeologi terkejut menemukan rumah ibadat Yahudi awal ini.



Laodikia

Bandar makmur berhampiran Hierapolis dan Kolose di Lembah Lycus. Surat itu merujuk kepada beberapa faktor kemakmuran kota ini: bulu halus dan pengilap mata adalah dua produk kota itu, dan juga merupakan pusat perbankan. Air dari mata air panas di Hierapolis disalurkan ke Laodikia dan mereka tiba di kota itu “suam-suam kuku”.



Filadelfia.

Sebuah pekan kecil di pinggir lembah yang luas yang menjadi tempat pertanian subur. Hari ini kota Alasehir memperoleh kemakmurannya dari sumber yang sama. ‘Sebuah tiang di Bait Suci Allah-Ku’ mungkin merujuk kepada kuil di atas bukit di belakang kota.